

"WAHA! anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang baik lagi sempurna setiap kali mendirikan sembahyang (dan tawaf) serta makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-A'raf, ayat 31.

BINA KAPASITI DIGITAL, GALAKKAN INOVASI AI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri APEC Economic Leaders' Retreat (Session 2) yang berlangsung di Gyeongju Hwabaek International Convention Center (HICO), Gyeongju, Republik Korea. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (Lihat muka 3 hingga 4).

Menuntut ilmu jalan menuju syurga

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 November. - Setiap perjalanan bermula dengan niat. Seperti mana sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, *Innamal a'malu binniyyat* yang bererti *sesungguhnya segala amalan bergantung kepada niat. Barang siapa menempuh jalan*

untuk mencari ilmu, Allah Subhanahu Wata'ala akan memudahkan baginya jalan menuju syurga (Hadis Riwayat Muslim).

Manakala perantaraan bukan sekadar berpindah tempat, tetapi sebuah madrasah kehidupan yang mengajar erti sabar, berdikari, disiplin dan rendah hati.

Demikian antara intipati tazkirah bertajuk 'Musafir Ilmu : Dari Tanah Air Ke Bumi Tarbiyah' yang disampaikan oleh Calon

Doktor Falsafah (Pengajian Hadis), University of Leeds, United Kingdom, Awang Haji Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit dari University of Leeds, United Kingdom (UK) bagi menyerikan Program Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-205 bersama Penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam (NBD) di UK, baru-baru ini.

>> Muka 6

Komitmen teguh terhadap keamanan, kestabilan serantau

Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan

KUALA LUMPUR, Sabtu, 1 November. - Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN Plus (ADMM-Plus) Ke-12 telah diadakan dengan jayanya hari ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur, Malaysia.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin.

Hadir di mesyuarat tersebut, Menteri -

Menteri Pertahanan negara-negara ADMM-Plus, termasuk Setiausaha Agung ASEAN.

Lebih signifikan, mesyuarat tahun ini meraikan 15 tahun penubuhan ADMM-Plus dan juga mencatatkan penyertaan sulung Republik Demokratik Timor-Leste sebagai ahli penuh ASEAN.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Mesyuarat ADMM-Plus Ke-12 diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut menyertai rombongan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin, selaku Ketua Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Pertahanan ASEAN-Plus (ADSOM-Plus) bagi NBD; dan Pemangku Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Malaysia, Mohd. Aizul Hakim bin Pehin OKIP Dato Seri Setia Haji Suyoi, serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pertahanan.

>> Muka 6



Berita Utama



KEPENTINGAN pendidikan STEAM, kemahiran berdaya saing masa hadapan

Muka 8



TINGKATKAN kefahaman masyarakat tentang kepentingan kesihatan kanak-kanak

Muka 10



PMB memartabatkan dikir marhaban, syair dalam masyarakat

Muka 12



JANGAN normalisasikan buli di tempat kerja

Muka 21

Masyarakat, kerajaan bersatu memperkukuh keselamatan, kesiapsiagaan perubahan iklim

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyrafil Anbiyaie Wal Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een
Assalamualaikum dan Salam
Sejahtera**

ALHAMDULILLAH, marilah kita memanjangkan rasa syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta limpah rahmat dan hidayah-Nya jua, kita dapat berkumpul bersama-sama pada pagi ini di Acara Sambutan Memperingati Hari ASEAN bagi Pengurusan Bencana (atau ASEAN Day for Disaster Management - ADDM) bagi tahun 2025.

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) di atas penganjuran acara pada pagi ini di mana inisiatif seumpama ini bukan sekadar sambutan untuk memperingati hari Pengurusan Bencana peringkat ASEAN malah sebagai platform untuk kita semua sebagai masyarakat, dan pihak kerajaan bersatu dalam memperkukuh keselamatan dan kesiapsiagaan dalam menghadapi apa jua bencana.

Hari ASEAN bagi Pengurusan Bencana (atau ADDM) adalah wadah penting untuk kita mengalas usaha secara berterusan dalam memperkukuh daya tahan dan kesiapsiagaan serantau terhadap bencana. Hari ini adalah Ulang Tahun Ke-20 Perjanjian ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana dan Tindakan Kecemasan (atau ASEAN Agreement on Disaster Management and Emergency Response - AADMER), iaitu satu

perjanjian serantau yang menjadi rangka kerja utama bagi kerjasama ASEAN dalam pengurangan risiko bencana.

NDMC, sebagai sebuah agensi di dalam struktur organisasi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) adalah bertanggungjawab dalam menyelaraskan usaha pengurusan bencana di negara ini akan terus menyokong segala bentuk kerjasama dalam pengurusan bencana di rantau ASEAN dan platform rakan dialog antarabangsa, memperkukuh kapasiti pengurusan bencana kebangsaan, serta memupuk budaya dalam Pengurangan Risiko Bencana (DRR) di kalangan masyarakat, sejajar dengan Rangka Kerja Sendai Framework dan Paris Agreement on Climate Change. Perkara ini dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan seperti pendidikan, latihan, inovasi, amalan terbaik dan penglibatan menyeluruh masyarakat demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan awam serta pembinaan komuniti yang lebih berdaya tahan, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Sepanjang dua dekad berlalu, Perjanjian AADMER telah menjadi asas kukuh dalam mendukung solidariti serantau dalam pengurusan bencana. Ancaman yang kita hadapi pada masa ini tidak lagi bersifat konvensional. Perubahan iklim telah menjadikannya lebih kompleks dan sukar diramal. Paradigma lama, di mana bencana ditangani oleh agensi tunggal atau secara silo, kini sudah tidak praktikal lagi. Oleh itu, kita meletakkan mandat nasional yang jelas, di mana kita mesti lebih bersepadu dan proaktif dalam semua aspek pengurusan risiko bencana. Kita perlu bergerak seiringan di mana Pendekatan Seluruh Kerajaan (Whole of Government) dan Pendekatan

Seluruh Negara (Whole of Nation) adalah penting dalam merealisasikan harapan ini.

Dalam mewujudkan ekosistem pengurusan bencana yang bersepadu, hari ini akan dilancarkan dua buah buku iaitu Rangka Kerja Dasar Strategik Pengurusan Bencana (Disaster Management Strategic Policy Framework - DMSPF), dan 'Buku Panduan Asas Keselamatan Awam : Panduan Kesiapsiagaan dan Mitigasi Kecemasan, Edisi 2025'.

Penerbitan Buku Rangka Kerja Dasar Strategik Pengurusan Bencana atau DMSPF ini adalah selaras dengan rangka kerja yang digariskan dalam Sendai Framework di peringkat global dan Perjanjian AADMER di peringkat serantau. Ia mencerminkan komitmen berterusan negara dalam menyelaras usaha kesiapsiagaan, mitigasi, respons, dan pemulihan bagi kedayatahanan negara.

Manakala Buku Panduan Asas Keselamatan Awam Edisi 2025, dihasratkan untuk menjadi rujukan utama dalam meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap langkah-langkah keselamatan dan tindak balas semasa berlaku kecemasan. Penerbitan buku ini melibatkan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Emergency Medical Ambulance Services (EMAS), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan. Pendekatan senegara ini menekankan peranan aktif komuniti dengan penglibatan Pemimpin Akar Umbi dalam memperkukuh kesiapsiagaan dan keselamatan negara melalui peningkatan ilmu pengetahuan serta kesedaran awam.

Komitmen yang berterusan ini bukan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Acara Sambutan Memperingati Hari ASEAN bagi Pengurusan Bencana (ASEAN Day For Disaster Management - ADDM) pada Sabtu, 11 Oktober 2025 bertempat di Ruang Legar Pusat Membeli Belah Time Square.

sekadar bantuan; tetapi aset strategik yang memastikan agenda pengurusan bencana negara terus maju, kekal tangkas, berdaya tahan, dan berkesan dalam melindungi nyawa serta harta benda. Semoga segala usaha kolektif dan sokongan ini diberkati Allah Subhanahu Wata'ala dan akan terus dipertingkatkan lagi bagi merangka strategi kebangsaan yang lebih teguh, demi memastikan Negara Brunei Darussalam sentiasa bersiap siaga menghadapi sebarang bentuk ketidakpastian.

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG										
NOVEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
3	ISNIN	12	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13
4	SELASA	13	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13
5	RABU	14	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
6	KHAMIS	15	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
7	JUMAAT	16	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
8	SABTU	17	4.36	4.46	6.06	6.30	12.05	3.26	6.02	7.13
9	AHAD	18	4.36	4.46	6.07	6.30	12.05	3.26	6.02	7.13

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	32 25 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar			
33 25 °C	32 25 °C	32 24 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C	32 25 °C	32 24 °C	
Kuala Belait			
33 25 °C	32 25 °C	32 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 3 NOVEMBER 2025

Bersabar menghadapi musibah, patuhi peraturan

BARU-baru ini negara sekali lagi dikejutkan dengan berita rumah terbakar di Kampung Pandai Besi 'A' yang telah meranapkan lima buah rumah. Kebakaran yang berlaku ketika kebanyakan penghuni sedang bekerja dan tidak berada di rumah. Alhamdulillah kebakaran tersebut dapat dipadamkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP). Berikutan kejadian tersebut, satu penyampaian sumbangan derma kepada mangsa-mangsa rumah kebakaran di Kampung Pandai Besi 'A' kepada seramai lima orang ketua keluarga telah diserahkan.

Mewakili Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) bagi menyerahkan derma tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim. Turut hadir ialah Penghulu Mukim Zon 1 Kampong Ayer, Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Pemangku Ketua Kampung Zon 1 Kampong Ayer, Pemangku Ketua Kampung Zon 2 Kampong Ayer, Pemangku Ketua Kampung Zon 3 Kampong Ayer dan Pegawai-pegawai daripada JDBM.

Dalam hal ini, rakyat dan penduduk di negara ini sangat beruntung kerana sikap pemeduliaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam meringankan beban rakyat yang ditimpa bencana. Tanpa mengira bangsa dan agama setiap rakyat yang mendapat musibah akan mendapat perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam bentuk sumbangan derma atau apa sahaja bentuk pertolongan agar mangsa akan berasa ringan beban yang ditanggung selain perasaan berdukacita.

Tetapi apa yang lebih membanggakan ialah sikap bertolong-tolongan antara jiran tetangga dalam menghadapi masa-masa kesukaran ditimpa bencana yang tidak dijangka. Sikap orang Brunei yang pemeduliaan sewajarnya menjadi contoh dan ikutan bagi generasi belia masa kini bagi menghadapi arus globalisasi akan datang dalam sama-sama mengukuhkan ikatan persaudaraan yang rapat dan erat. Tanamkan sifat kemanusiaan dalam diri masing-masing agar kehidupan akan lebih aman dan sejahtera.

Kejadian tersebut memperingatkan kita untuk lebih berhati-hati kerana bencana yang tidak dijangka mungkin saja boleh berlaku akibat kelalaian kita. Bagi mengelakkan perkara yang boleh membahayakan nyawa atau merugikan harta benda, kita seharusnya mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh JBP. Salah satunya ialah untuk tidak menyambung pendawaian elektrik secara berlebihan. Begitu juga dengan sistem pendawaian elektrik yang terlebih beban akibat pengubahsuaian dan pemasangan aksesori berlebihan punca kebakaran. Penggunaan alat penyambungan elektrik yang tidak berkualiti juga boleh menjadi punca utama kebakaran.

Selain itu, cuaca panas yang kita hadapi ketika ini juga berpotensi dalam mencetuskan kebakaran. Jangan bersikap sambil lewa apabila ternampak percikan api atau asap yg berpunca daripada unggun api atau sebarang pembakaran terbuka. Kita tidak tahu sejauh mana api tersebut boleh merebak, bak kata orang tua-tua *api semasa kecil menjadi kawan, sudah besar menjadi lawan*. Justeru sikap berhati-hati dan sentiasa waspada perlu diamalkan agar tidak menyesal kemudian hari. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT MENINGGALKAN REPUBLIK KOREA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (atas) manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat balik meninggalkan Republik Korea setelah menghadiri APEC Economic Leaders' Meeting (AELM) di Gyeongju. Turut berangkat mengiringi baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

GYEONGJU, REPUBLIK KOREA, Sabtu, 1 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang ini berangkat



balik meninggalkan Republik Korea setelah selesai menghadiri APEC Economic Leaders' Meeting (AELM) di Gyeongju.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara



Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Dengan tema 'Building a

Sustainable Tomorrow : Connect, Innovate, Prosper', perbincangan semasa AELM tertumpu kepada mengukuhkan daya tahan ekonomi dan sosial di rantau Asia Pasifik di tengah-tengah ketidakpastian global.

Ini termasuk kerjasama antara sektor awam dan swasta, perkembangan Kecerdasan Buatan (AI) yang pesat dan memupuk industri kreatif.

Bina kapasiti digital, galakkan inovasi AI

GYEONGJU, REPUBLIK KOREA, Sabtu, 1 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berangkat menghadiri APEC Economic Leaders' Retreat (Session 2) yang berlangsung di Gyeongju Hwabaek International Convention Center (HICO), Gyeongju, Republik Korea.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Dalam sesi di mana ekonomi anggota APEC mengetengahkan aliran baharu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam titah, mengenal pasti Kecerdasan Buatan (AI) sebagai pemacu utama pembangunan masa depan, selaras dengan Digital Transformation Plan Negara Brunei Darussalam dan visi Smart Nation.

Industri budaya dan kreatif adalah pemangkin inovasi dan peluang ekonomi, oleh itu sokongan inklusif melalui akses kepada kewangan, pembangunan kapasiti, perlindungan harta intelek dan hubungan pasaran global dapat membantu mengubah potensi mereka kepada nilai ekonomi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri APEC Economic Leaders' Retreat (Session 2) yang berlangsung di Gyeongju Hwabaek International Convention Center (HICO), Gyeongju, Republik Korea (atas dan kiri).

yang ketara. Baginda menzahirkan sokongan terhadap inisiatif

dan kerjasama APEC yang meningkatkan kreativiti dan kemahiran, membina kapasiti digital, dan menggalakkan inovasi AI yang bertanggungjawab.

Dalam mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengucapkan tahniah kepada Republik Korea atas kepimpinan APEC pada tahun 2025 dan Malaysia di atas kepengerusian ASEAN.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman pada mesyuarat berkenaan (kiri dan kiri sekali).



>> Muka 3

Baginda juga menzahirkan keyakinan terhadap Republik Rakyat China di atas

kepengurusan APEC pada tahun 2026.

Pada penghujung sesi tersebut, Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Lee Jae Myung, menyerahkan

tanggungjawab sebagai Pengerusi APEC Economic Leaders' Meeting (AELM) kepada Presiden Republik Rakyat China, TYT Xi Jinping selaku tuan rumah APEC bagi tahun 2026.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman pada mesyuarat berkenaan (atas dan atas kiri).

BERANGKAT KE MAJLIS SANTAP MALAM GALA APEC ECONOMIC LEADERS



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Santap Malam Gala bagi merayakan APEC Economic Leaders dialu-alukan oleh Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Lee Jae-myung dan isteri, Kim Hye-kyung. Turut berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas kiri dan atas kanan).



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka anakanda baginda berkenan menyaksikan persembahan kebudayaan pada majlis berkenaan yang diadakan di Lahan Select Gyeongju (atas dan kanan).



GYEONGJU, REPUBLIK KOREA, Jumaat, 31 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malam tadi berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam Gala bagi merayakan APEC Economic Leaders yang diadakan di Lahan Select Gyeongju.

Berangkat mengiringi Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan tiba di Lahan Select Gyeongju, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dialu-alukan oleh Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Lee Jae-myung dan isteri, Kim Hye-kyung.

Majlis tersebut juga diserikan dengan persembahan kebudayaan.



ANTARA persembahan kebudayaan pada majlis tersebut (kiri dan kiri sekali).

DPMM FC, NEGERI SEMBILAN TERIKAT 2-2



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Super Malaysia 2025 / 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Turut berangkat, paduka adinda dan anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

BERAKAS, Ahad, 2 November. - Pertembungan antara DPMM FC dan Negeri Sembilan terikat dengan keputusan seri 2 - 2 dalam saingan Liga Super Malaysia 2025 / 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, malam tadi.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Pada babak pertama perlawanan menyaksikan DPMM FC lebih banyak mencipta peluang untuk menggegarkan gawang pasukan lawan namun sering tersasar dari pintu gol. Bersambung pada babak kedua, Negeri Sembilan tampil ligat menguasai permainan sekali gus mengejutkan DPMM FC menerusi sepakan Joseph Esso pada minit ke-54.

DPMM FC kemudian tidak mensia-siakan peluang keemasan melalui sepakan penalti yang dilakukan oleh Jordan David Murray pada minit ke-62. Selang tiga minit, Negeri Sembilan bangkit dan menambah jaringan melalui sepakan Jovan Motika.

ANTARA aksi para pemain pada perlawanan tersebut (kiri). Manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir menyaksikan perlawanan berkenaan.

Namun, nasib tidak menyebelahi Negeri Sembilan apabila DPMM FC sekali lagi diberikan sepakan penalti sekali gus menambah jaringan melalui Jordan David Murray pada minit ke-81.

Pengurus DPMM FC, Jamie McAllister semasa berucap pada Sidang Media yang berlangsung selepas perlawanan berkata bahawa DPMM FC menunjukkan semangat dan ketahanan yang baik daripada para pemain di mana separuh masa pertama, mereka mencipta banyak peluang untuk jaringan namun hantaran agak kurang tepat.

Pada separuh masa kedua tambahnya, mereka ketinggalan setelah bolos gol dari pihak lawan namun Jordan Murray melakukan aksi cemerlang melalui jaringan dua penalti.

Jelasnya, bagi perlawanan seterusnya, pasukan perlu membina momentum dan berusaha untuk menang di tempat lawan, pasukan akan bersiap sedia dan memanfaatkan tiga minggu latihan yang ada.

Sementara itu, Pengurus Mohd. Nidzam Jamil pula berkata, pasukan tidak bermain seperti yang

dijangkakan namun separuh masa kedua menunjukkan usaha pemain untuk menyesuaikan dengan rentak permainan DPMM FC.

Dengan keputusan ini tambahnya, satu mata yang diperolehi di tempat lawan dianggap pencapaian yang baik untuk Negeri Sembilan dan ia memberi asas positif untuk pasukan menunjukkan usaha dan strategi yang baik.

Pada perlawanan seterusnya, DPMM FC akan menentang Kuching pada 22 November 2025, pukul 8.15 malam. Sementara itu, DPMM FC berada di kedudukan ke-10 dengan kutipan lima mata, manakala Negeri Sembilan kekal di kedudukan keenam dengan kutipan 12 mata.



PENGURUS DPMM FC, Jamie McAllister semasa berucap pada Sidang Media.



Lebih 1,700 sertai VA Run 2025

Berita dan Foto : Ihsan Media Permata

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 November. - Lebih 1,700 pelari dan peminat kecergasan dari seluruh negara dan rantau ini menyertai VA Run 2025 - Edisi Takaful Brunei yang berlangsung meriah di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di sini, anjuran VictoryAthletes (VA) dengan sokongan Takaful Brunei selaku penaja utama.

Edisi tahun ini mencatat pencapaian baharu dengan pengenalan Kategori Half Marathon (21 kilometer - km) di samping Kategori 10km, 5km dan Fun Run, yang menarik penyertaan daripada pelbagai peringkat umur dan tahap kecergasan.

Acara turut diserikan dengan keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, yang menyertai Kategori Corporate 10km, serta Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, yang mengambil bahagian dalam Kategori 5km, sebagai tanda sokongan terhadap pembangunan sukan tempatan dan kesejahteraan komuniti.

Bagi Kategori 21km Half Marathon Lelaki Terbuka, tempat pertama dimenangi oleh Darwish

anak Romeo, diikuti oleh Awang Abdul Malik anak Hidup di tempat kedua, manakala Awang Md. Zam pula berada di tempat ketiga.

Dalam Kategori 21km Half Marathon Wanita Terbuka pula, tempat pertama disandang oleh Susan Khim Tho, sementara Dayang Aida Syazana binti Shamsul menduduki tempat kedua, manakala Ainul Mahmud berada di tempat ketiga.

Sementara Kategori 21km Half Marathon Lelaki Veteran pula menobatkan Sefli Ahar sebagai pemenang tempat pertama, diikuti oleh Awang Haji Busri bin Haji Nudin di tempat kedua, manakala Awang Mohd. Norisman Ismail pula berada di tempat ketiga.

Sementara itu, bagi Kategori 21km Half Marathon Wanita Veteran, tempat pertama diraih oleh Nurliela Lian.

Bagi jarak 10km Half Marathon Lelaki Veteran, tempat pertama dimenangi oleh Awang Shamsuleffendy bin Haji Sulaman, diikuti oleh Wee Chan Koh di tempat kedua, sementara Akilin Nizam berada di tempat ketiga.

Manakala bagi Kategori 10km Half Marathon Wanita Veteran pula, Linda Chin berada di tempat pertama, diikuti oleh Yvette Kortekaas dan Pengiran Mas Hazlinah binti Pengiran Momin, masing - masing menduduki



BERANGKAT menyertai larian berkenaan dalam Kategori Corporate 10km, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman (atas). Sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir menyertai acara tersebut.

tempat kedua dan ketiga.

Bagi kategori jarak pendek, Kategori 5km Half Marathon Lelaki Terbuka, Arif Zulkifli berjaya di tempat pertama, manakala Kasyful di tempat kedua, sementara Ahmad Zananin Rasit pula berada di tempat ketiga.

Sementara Kategori 5km Half Marathon Wanita Terbuka pula menyaksikan Azia Haji Samast dinobatkan sebagai pemenang tempat pertama.

Majlis Penyampaian Hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri

Setia Haji Md. Yusof.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosialnya, VA turut menyumbangkan BND1 bagi setiap peserta berdaftar kepada Uniklearn oleh An-Nur Harapan, bagi menyokong usaha pemerkasa komuniti.

VA Run 2025 sekali lagi membuktikan kejayaan dalam mempromosi kesihatan, kecergasan dan semangat kekitaan, di samping menyokong tujuan kebajikan yang murni sebagai langkah ke arah Victory (kemenangan).

Untuk maklumat lanjut dan pengumuman acara akan datang, layari victoryathletes.com atau ikuti @victoryathletesbrand dan @takafulbrunei di media sosial.



Menuntut ilmu jalan menuju syurga

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal
Ugama

>> Muka 1

Awang Haji Mohd. Khairul Nazif seterusnya menambah tarbiah bukan hanya berlaku di dalam kelas, tetapi terserlah dalam setiap ujian seperti kesejukan musim, rindu kepada keluarga, pengurusan masa dan kekuatan iman.

"Setiap pengalaman di bumi asing adalah guru yang mendidik seperti bahasa, budaya, hingga masyarakat setempat semuanya menyumbang kepada pembentukan jiwa yang matang dan berempati. Sembahyang, zikir dan Majlis Ilmu menjadi benteng rohani yang menjaga iman dan identiti.

"Ilmu yang ditimba bukan untuk diri sendiri semata-mata, tetapi merupakan amanah untuk kembali membina masyarakat. Oleh itu, pulanglah bukan hanya dengan segulung sijil, tetapi dengan hikmah, akhlak dan jiwa yang terdidik, itulah sebenar-benarnya kejayaan seorang musafir ilmu," ujarnya lagi.

Turut hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi Program Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh President Student Ireland, Awangku Md. Raihaan Zeyad bin Pengiran Md. Amirul Sarni bersama dengan penuntut-penuntut University College Dublin, Ireland dari

University College Dublin, Ireland.

Kemudian diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Timbalan Eksekutif Serantau bagi Tadahan North bersama dengan penuntut-penuntut Lancaster University, UK, Awang Muhammad Ifwat Danish bin Adri dari Lancaster University, UK.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Ataci Pendidikan Pegawai Keugamaan, Awang Royzime bin Alias, bersama Pegawai Suruhanjaya Tinggi NBD, Pengurus Brunei House serta Pegawai Agensi Pelaburan Brunei Cawangan London dan Pegawai Unit Penuntut-penuntut NBD dari Brunei House, London, UK.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat As-Syifa beramai-ramai dipimpin oleh President Brunei Hall, UK, Awang Muhammad Amin Hakim bin Haji Sabri bersama dengan penuntut-penuntut Brunei Hall dan Brunei House dari Brunei House, London, UK.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan NBD dibacakan oleh Yang Dipertua BruROSA 2025 / 2026, Awang Mohammad Sahzwan bin Lamat dari Loughborough University, UK. Program Malam Munajat tersebut turut disertai oleh para jemaah dari beberapa buah masjid seluruh negara, warga kerja KHEU serta individu secara maya dari kediaman masing-masing.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat



PROGRAM Malam Munajat Kali Ke-205 bersama Penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam (NBD) di United Kingdom.

Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran, serta merafakkan dan

memastikan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD beserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit

berjangkit.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut: <http://tiny.cc/munajatkheu>.

KOMITMEN TEGUH TERHADAP KEAMANAN, KESTABILAN SERANTAU



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN Plus (ADMM-Plus) Ke-12 yang berlangsung ni di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur, Malaysia (atas dan bawah).

Mesyuarat juga sepakat meluluskan Kenyataan Bersama iaitu 'Joint Statement by the ASEAN Defence Ministers' Meeting Plus in Commemoration of the 15th Anniversary of the Founding of the ADMM-Plus'.

Di samping Mesyuarat ADMM-Plus Ke-12, Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Pertahanan ASEAN-Jepun telah diadakan dan dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, selaku pengerusi

ADMM-Plus tahun ini, dan Menteri Pertahanan Jepun, Tuan Yang Terutama Shinjiro Koizumi.

Turut dilaksanakan ialah Resepsi Minum Petang Menteri-menteri Pertahanan ASEAN-Amerika Syarikat yang dianjurkan bersama oleh Menteri Pertahanan Malaysia dan Setiausaha Perang Amerika Syarikat, Yang Berhormat Pete Hegseth.

NBD juga mengadakan pertemuan ringkas dengan Republik Singapura bagi menegaskan semula hubungan pertahanan dan kerjasama dua hala kukuh antara kedua-dua negara.

Majlis penyerahan Pengerusi ADMM daripada Malaysia kepada Republik Filipina secara rasmi menandakan berakhirnya kepengerusian ADMM oleh Malaysia bagi tahun 2025.

Republik Filipina akan memegang peranan sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun 2026 dengan tema 'Navigating Our Future Together'.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

>> Muka 1

Mesyuarat ADMM-Plus Ke-12 memperdengarkan pertukaran pandangan mengenai 'Reflection

on 15 Years of ADMM-Plus and Charting the Way Forward', di mana ketua-ketua ADMM-Plus memuji kemajuan signifikan yang telah

dicapai oleh ADMM-Plus.

Para menteri turut mengesahkan semula komitmen teguh terhadap keamanan dan kestabilan serantau, berteraskan semangat ASEAN Centrality.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak



MEMASTIKAN KEBERSIHAN, KEINDAHAN PERSEKITARAN BSB SENTIASA TERPELIHARA

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 November. - Sebanyak 105 anak pokok jenis Bucida Green, iaitu Bougainvillea Ball Shape, Largerstroemia Speciosa dan Eugenia ditanam pagi tadi pada Aktiviti Penanaman Pokok sempena Memperingati Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan Kali Ke-55 Tahun, anjuran Jabatan Bandar Seri Begawan (JB BSB) yang berlangsung di Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanah Bolkiah, di sini.

HALUAN

>> Muka 2

Usaha bersepadu yang konsisten ini adalah kunci utama untuk merealisasikan Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035, iaitu mencapai kualiti kehidupan yang tinggi bagi seluruh rakyat dan penduduk negara.

Sebelum peramba, kaola, saya mengundurkan diri, sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-menteri selaku Timbalan Pengerusi Bersama, Majlis Bencana Kebangsaan, Yang Mulia Dato-dato, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Tuan-tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar Negara Sahabat, Yang Mulia Ahli-ahli Majlis Bencana Kebangsaan serta semua yang berkesudian hadir ke acara Sambutan Memperingati Hari ASEAN bagi Pengurusan Bencana (atau ADDM) pada pagi ini. Sokongan padu dan semangat kolaborasi yang ditunjukkan adalah nadi penggerak utama dalam memperkukuh penyelarasan serta pembangunan kapasiti negara.

Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, peramba, kaola, saya sukacita melancarkan Buku Disaster Management Strategic Policy Framework (DMSPF) dan Buku Panduan Asas Keselamatan Awam : Panduan Kesiapsiagaan dan Mitigasi Kecemasan, Edisi 2025 terbitan NDMC, KHEDN.

Sekian, *Wabillahi Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penanaman tiga anak pokok Bucida Green ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Ia antara lain diadakan sebagai usaha untuk menjadikan BSB sebagai Bandar Dalam Taman (City in a Garden) serta menyumbang kepada usaha mitigasi perubahan iklim.

Sebagai sebahagian daripada aktiviti berkenaan, kakitangan JB BSB juga turut mengusahakan pemeliharaan kawasan awam termasuk mengecat fasiliti awam, memotong rumput dan

pembersihan kawasan sekitar.

Aktiviti-aktiviti berkenaan akan diteruskan secara berperingkat sebagai usaha berterusan JB BSB untuk memastikan kebersihan, keindahan dan keceriaan persekitaran bandar sentiasa terpelihara.

Aktiviti berkenaan turut diadakan dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) sebagai sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat di bawah Projek Alam Mampan.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah); Timbalan-timbalan Setiausaha

Tetap; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan; pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Turut hadir, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung seluruh negara, serta wakil dari BIBD; Takaful Brunei Keluarga Sdn. Bhd. (TBK); Tabung Amanah Islam Brunei; Royal Brunei Airlines; Chill-V Kopitiam; Setia Point Shopping Mall; Radisson Hotel Brunei Darussalam; Jerudong Park Country Club (JPCC) Sdn. Bhd. dan The Brunei Hotel.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penanaman anak pokok Bucida Green (atas kiri dan atas kanan).



Doa Kesyukuran sempena Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat majlis yang diadakan di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

MULAUT, Sabtu, 1 November. - Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan telah diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda

merasmikan Ekspo Agroteknologi Brunei, Kampung Tungku.

Dengan pengisytiharan itu, Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan disambut pada 1 November setiap tahun bagi mengiktiraf dan mengenang jasa-jasa para peladang, petani, penternak dan nelayan dalam peranan mereka selaku penjana makanan bagi negara ini.

Tema Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan pada tahun ini ialah 'Rantaian Nilai Kukuh, Sekuriti Makanan Terjamin'.

Sehubungan itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) petang tadi mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, dan Membaca Doa

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



Kesyukuran yang diselenggarakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah sempena Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan kali Ke-15 Tahun 2025 bertempat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Juga hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KSSUP; ketua-ketua jabatan, para pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan di bawah KSSUP serta para peladang, petani, penternak, nelayan dan pengusaha agrimakanan di seluruh negara.

KEPENTINGAN PENDIDIKAN STEAM, KEMAHIRAN BERDAYA SAING MASA HADAPAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan selaku Pengerusi Suruhanjaya Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) menghadiri Persidangan Agung UNESCO Kali Ke-43 yang berlangsung di Pusat Kongres Silk Road Samarkand, Samarkand, Republik Uzbekistan, pada 30 Oktober hingga 13 November 2025 (atas dan atas kanan).

SAMARKAND, REPUBLIK UZBEKISTAN, Ahad, 2 November. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh selaku Pengerusi Suruhanjaya Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) telah menghadiri Persidangan Agung UNESCO Kali Ke-43 yang berlangsung di Pusat Kongres Silk Road Samarkand, Samarkand, Republik Uzbekistan, bermula 30 Oktober hingga 13 November

2025. Persidangan Agung tersebut telah menghimpunkan wakil-wakil daripada 194 negara anggota dan anggota bersekutu serta pemerhati, pertubuhan antara kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Persidangan setiap dua tahun sekali tersebut berperanan sebagai badan pembuat keputusan tertinggi UNESCO, yang bertanggungjawab dalam merangka dasar pertubuhan, meneliti aktiviti dan peruntukan serta pengundian keahlian bagi lembaga eksekutif. Antara acara utama persidangan

agung berkenaan merangkumi perbincangan dasar umum, di mana ketua delegasi daripada setiap negara anggota menyampaikan kenyataan negara masing-masing bagi menegaskan semula komitmen mereka terhadap Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pembangunan Mampan. Kenyataan - kenyataan berkenaan mencerminkan kepelbagaian usaha dan pencapaian yang berterusan dalam memajukan bidang pendidikan, sains, kebudayaan dan bidang-bidang berkaitan.



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

Dalam Kenyataan Kebangsaan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan semula komitmen teguh NBD terhadap usaha mencapai Matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG 4), dengan menekankan khusus terhadap kepentingan pendidikan STEAM dan kemahiran berdaya saing masa hadapan. Seterusnya, Yang Berhormat turut merujuk mengenai pelancaran Pelan Pendidikan Hijau semasa Persidangan Majlis SEAMEO Kali Ke-53 yang diadakan di NBD pada bulan Julai 2025, yang memperlihatkan kepimpinan serantau NBD serta sumbangannya dalam membentuk agenda pendidikan global pasca 2030. NBD akan tetap terus berusaha dan kekal komited terhadap prinsip-prinsip teras UNESCO, iaitu memupuk keamanan, memperkukuh kerjasama

saintifik bagi pembangunan mampan serta memperkasa masyarakat inklusif melalui pendidikan berkualiti serta pemeliharaan budaya. Di samping itu, Segmen Menteri Peringkat Tinggi dalam Pendidikan telah diadakan sebagai salah satu acara sampingan yang diadakan bersempena dengan Persidangan Agung tersebut. Turut hadir bersama Yang Berhormat Menteri Pendidikan ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin selaku Setiausaha Agung Suruhanjaya Kebangsaan NBD bagi UNESCO. Rombongan diiringi daripada pegawai-pegawai dari Kedutaan Besar NBD di Ankara, Republik Turkiye, yang mewakili Perwakilan Tetap NBD ke UNESCO, serta pegawai - pegawai dari Kementerian Pendidikan.

Doa Kesyukuran sempena 10 tahun penubuhan RPN Panchor Mentiri



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara ketika hadir pada Majlis Doa Kesyukuran bersempena 10 tahun penubuhan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mentiri yang diadakan di Masjid An-Na'im (atas kiri dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara Panchor Mentiri

MENTIRI, Ahad, 2 November. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mentiri dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im RPN Panchor Mentiri telah

menganjurkan Majlis Doa Kesyukuran bersempena 10 tahun penubuhan RPN Panchor Mentiri, baru-baru ini. Hadir pada majlis yang berlangsung di Masjid An-Na'im ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang

Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok. Turut hadir, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri yang juga Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Panchor, Mentiri, Haji Awang Mohammad Eddie Hardey bin Haji Ibrahim juga merangkap selaku Pengerusi Majlis. Majlis dimulakan dengan

menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat. Kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin serta Doa Kesyukuran dan diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah. Majlis turut menyaksikan penyerahan wakaf kepada Masjid Masjid

An-Na'im. RPN Panchor Mentiri mempunyai keluasan 309 hektar, mengandungi 4,000 unit rumah, yang merangkumi 2,400 unit rumah teres dan selebihnya adalah rumah kembar di mana pembinaan rumah-rumah tersebut menelan belanja BND388 juta. Penempatan awal penduduk di kawasan perumahan ini adalah pada penghujung tahun 2014. Kawasan-kawasan di RPN Panchor terdiri daripada Jalan Bukit Sinadur, Jalan Sungai Cerana, Jalan Bintagur, Jalan Pendayan, Jalan Tanjong Selasih dan Jalan Tanjong Kudus. Dalam usianya mencapai satu dekad pelbagai kemudahan infrastruktur dan prasarana telah dilihat antaranya masjid dan jalan raya penghubung dan jejambat yang siap terbina, setentunya menjadi salah satu kemudahan utama bagi penduduk dan masyarakat di RPN Panchor, Mentiri.

BKISHHB LANCAR PAMERAN ASTRONOMI : KAEDAH PENENTUAN AWAL BULAN HIJRI

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 November. - Pameran Astronomi : Kaedah Penentuan Awal Bulan Hijri dilancarkan secara rasmi di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), petang tadi.

Hadir sebagai tetamu kehormat majlis yang diadakan di Ruang Legar, BKISHHB, di sini, ialah Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai Penyelidik Bahasa Arab Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), Awang Muhammad Haziq Ariffin bin Haji Muskapah.

Seterusnya, ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad yang antara lain menjelaskan bahawa, "Baginda (Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam) berpandangan bahawa membina kolaborasi atau kerjasama dengan pelbagai pihak akan memberikan impak yang signifikan kepada imej BKISHHB dan memastikan ia dapat beroperasi secara mampan (*sustainable*) untuk jangka masa panjang".

Bidang astronomi bukanlah suatu perkara yang asing kepada BKISHHB yang mana astronomi adalah merupakan salah satu galeri pameran di balai berkenaan iaitu Galeri 8 : Astronomi yang mempamerkan pelbagai peralatan yang digunakan oleh ahli astronomi Islam pada zaman dahulu.

Beliau seterusnya menambah, "Selain itu, BKISHHB dengan kerjasama Persatuan Astronomi Brunei Darussalam (PABD) juga aktif

mengadakan aktiviti-aktiviti berkaitan astronomi seperti Bengkel Penggunaan Peralatan Falak Tradisional Rubu' Mujayyab, Cerapan Fenomena Gerhana Bulan Penuh, Mencerap Bintang 'Stargazing' dan mencerap planet seperti Marikh (Mars), Musytari(Jupiter) dan Zuhul (Saturn), dan juga Bengkel Latihan Penggunaan Teleskop".

Menurutnya, salah satu pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh balai berkenaan semasa Cerapan Gerhana Bulan Penuh pada 7 September 2025 yang lalu, adalah memberikan peluang kepada para peserta cerapan untuk mengadakan aktiviti perkhemahan (*glamping*) di kawasan lapang dan kawasan terbuka yang bertujuan untuk memberikan suatu pengalaman yang bebeza kepada orang ramai dan juga para pelajar sekolah serta penuntut institusi-institusi pendidikan sekali gus menarik minat orang awam untuk menyertainya.

Justeru peluang mengadakan aktiviti perkhemahan ini katanya, akan dibukakan lagi kepada orang ramai semasa cerapan Fenomena Hilangnya Cincin Planet Zuhul atau 'Saturn's Rings Disappearance' pada 7 November 2025 nanti.

Pada majlis itu juga, tetamu kehormat melancarkan majlis dengan tayangan video dan kemudian menyampaikan sijil penghargaan kepada para peserta pameran.

Pameran tersebut akan berlangsung selama sebulan bermula 1 hingga 30 November 2025 dan buat pertama kali diadakan melibatkan kolaborasi bersama lima buah agensi dan persatuan iaitu, Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS (Malaysia, Republik Indonesia dan Republik Singapura),



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin hadir selaku tetamu kehormat pada Pameran Astronomi : Kaedah Penentuan Awal Bulan Hijri yang diadakan di Ruang Legar, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Kementerian Hal Ehwal Ugama; Jabatan Kehakiman Negara; Jabatan Mufti Kerajaan; Jabatan Ukur dan PABD.

Pameran berkenaan diadakan selaras dengan titah dan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berpandangan jauh melihat akan kepentingan BKISHHB dalam membina kolaborasi atau kerjasama dengan pelbagai sektor, termasuk agensi-agensi kerajaan mahupun bersama pihak swasta, untuk menjadikan balai berkenaan sebagai pusat khazanah ilmu yang akan mampu menarik kerjasama dan pengunjung dari dalam serta luar negeri.

Selain Pameran Astronomi: Kaedah Penentuan Awal Bulan Hijri, beberapa pengisian aktiviti sampingan juga akan dilaksanakan di sepanjang bulan November 2025. Antara aktiviti yang akan dilaksanakan termasuk, Aktiviti Water Bottle Rocket Launcher; Cerapan Matahari 'Sunspots' dan 'Sunflare'; Fenomena Hilangnya Cincin

Planet Zuhul 'Saturn's Rings Disappearance'; Taklimat mengenai kaedah penentuan Awal Bulan Hijri daripada Jawatankuasa Teknikal Falak Syarie Negara Brunei Darussalam (NBD); Cerapan Matahari 'Sunspots' dan 'Sunflares'; Rukyah Hilal Bulan Jamadilakhir 1447 *practical hands-on*; Aktiviti mewarna dan teka silang kata (Mix and Match Planets, Islamic Significant Numbers) dan Aktiviti Kuiz Kahoot.

Antara objektif utama Pameran Astronomi : Kaedah Penentuan Awal Bulan Hijri adalah untuk memberikan pendedahan kepada orang ramai termasuk para pelajar sekolah dan penuntut institusi-institusi pendidikan mengenai proses dan kaedah pencerapan Hilal dalam ajaran Islam dan memaparkan peranan dan keutaman Hilal dalam menentukan tarikh-tarikh penting dalam takwim Islam yang diamalkan di NBD seperti awal bulan Ramadan bagi penentuan ibadah puasa, anak bulan Syawal bagi penentuan Hari Raya Aidilfitri dan penentuan bulan Zulhijah bagi

hari wukuf Arafah dan Hari Raya Aidiladha.

Ia juga bertujuan untuk mengetahui dan mempelajari kaedah-kaedah penentuan awal bulan hijri yang diguna pakai oleh negara-negara lain seperti kaedah kriteria MABIMS, Rukyah (Saudi Arabia) dan kaedah ketinggian anak bulan di atas ufuk dan sudut elongasi (jarak lengkung) antara matahari dan bulan (Turkiye).

Dalam masa yang sama, pameran tersebut juga diharapkan dapat memberikan kefahaman kepada orang ramai khususnya warga dan penduduk tetap NBD mengenai dengan kaedah penentuan anak bulan hijri yang diamalkan di negara ini dan perbezaan kaedah yang diguna pakai di negara lain sekali gus menghilangkan tanggapan dan persepsi negatif orang ramai terhadap kredibiliti ketetapan rasmi anak bulan hijri khususnya bulan Ramadan, bulan Syawal dan bulan Zulhijah yang kadangkala berbeza dengan negara jiran.

Meningkatkan kualiti hidup warga emas



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ihsan Pusat Promosi Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) mengalami perubahan demografi secara beransur-ansur menjadi negara yang menua.

Dengan peningkatan jangka hayat yang tinggi, keperluan untuk meningkatkan penjagaan yang lebih komprehensif, bersepadu, berpusatkan insan (*people-centred*) dan berasaskan komuniti kepada penduduk warga emas adalah sangat diperlukan.

Kementerian Kesihatan kekal komited untuk memastikan warga emas dapat menerima penjagaan yang menjunjung maruah menggalakkan kebebasan dan meningkatkan kesejahteraan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Mohd. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail dalam ucapan alu-aluannya

semasa Latihan Penjagaan Bersepadu bagi Warga Emas (ICOPE) di Pusat Promosi Kesihatan, hari ini, yang dianjurkan bersama Unit Geriatrik dan Paliatif, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Pusat Promosi Kesihatan serta Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama WHO telah memperkenalkan rangka kerja ICOPE sebagai salah satu panduan praktikal bagi profesional penjagaan kesihatan dalam mengesan dan mengurus penurunan kapasiti secara fizikal dan mental dalam kalangan warga emas dengan lebih awal, memastikan warga emas terus menjalani kehidupan yang sihat, berdaya dan berdaya saing," ujarnya.

Rangka kerja ICOPE jelasnya, membantu mempersiapkan sistem kesihatan yang menumpukan kepada mengekalkan fungsi dan



SUASANA Latihan Penjagaan Bersepadu bagi Warga Emas (ICOPE) di Pusat Promosi Kesihatan yang dianjurkan bersama Unit Geriatrik dan Paliatif, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Pusat Promosi Kesihatan serta Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (atas dan atas kiri).

kualiti hidup seiring dengan peningkatan usia dan bukan hanya berfokus pada merawat penyakit sahaja.

Inisiatif ini tambahannya lagi selaras dengan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi warga emas yang akan datang dan komitmen kebangsaan yang lebih luas terhadap kualiti, maruah dan penuaan sihat untuk semua.

Kongsinya lagi, bagi memperkukuhkan kapasiti profesional kesihatan dalam memberikan penjagaan yang bersepadu berasaskan ICOPE, Kementerian Kesihatan, dengan kerjasama WHO sedang menjalankan dua sesi ICOPE.

Latihan ini jelasnya dikhususkan kepada para doktor dan jururawat dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam

menggalakkan penuaan sihat dan meningkatkan kualiti hidup warga emas melalui aplikasi rangka kerja latihan ICOPE WHO.

ICOPE bertujuan untuk mengetengahkan konsep penuaan sihat dan peralihan daripada model penjagaan yang berpusatkan penyakit kepada yang berfokus kepada fungsi. Selain itu, ia juga untuk mengenal pasti dan memahami lima domain utama kapasiti intrinsik, pergerakan, pemakanan, penglihatan dan pendengaran, kesejahteraan psikologi dan kognisi.

Ia juga bertujuan untuk menggunakan alat saringan ICOPE WHO untuk mengenal pasti penurunan awal dalam kapasiti intrinsik dan memperkukuhkan cekapan dalam menggunakan alat penilaian berasaskan bukti

untuk setiap domain kapasiti intrinsik.

Di samping itu juga bagi merangka pelan penjagaan individu yang berorientasikan matlamat dan berpusatkan individu serta sejajar dengan model ICOPE dan mengaplikasikan prinsip Penilaian Geriatrik Komprehensif (CGA) dalam penjagaan kesihatan primer dan juga mengintegrasikan prinsip ICOPE ke dalam aliran kerja klinikal harian, termasuk mengurus polypharmacy dan menghubungkan kepada sumber komuniti.

Dengan adanya latihan ini di NBD, para profesional kesihatan akan dilengkapi dengan amalan berasaskan bukti dalam membantu meningkatkan kualiti hidup penduduk warga emas negara dan mencapai Wawasan Brunei 2035.

GALAS TANGGUNGJAWAB DENGAN IKHLAS, JUJUR



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 November. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat pelaburan yang tinggi dengan menyediakan pelbagai kemudahan, infrastruktur dan teknologi untuk memastikan sistem penjagaan kesihatan di negara ini adalah di tahap yang terbaik.

Namun, kejayaan satu sistem kesihatan juga bergantung kepada pegawai dan kakitangan yang berkemahiran.

Dari itu, terdapat peluang untuk

meningkatkan ilmu dan kemahiran dalam kalangan ahli profesional dan tenaga kerja kesihatan di negara ini.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Kursus Induksi bagi Pegawai-pegawai Tempatan Baharu Berkhidmat di Kementerian Kesihatan bagi tahun 2025 bertempat di Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Dengan peluang berkhidmat di Kementerian Kesihatan, tambahnya, adalah diharapkan untuk para pegawai baharu dapat mencurahkan khidmat bakti

PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima.

dengan jujur, ikhlas, bertanggungjawab dan penuh integriti kepada negara dan masyarakat dengan sebaik-baiknya sebagaimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dr. Hajah Rafidah menzahirkan keyakinan dan percaya bahawa semua peserta kursus mampu menggalas tugas yang dilaksanakan.

Beliau turut menyeru agar pegawai-pegawai baharu akan mengambil kesempatan selama lima hari ini untuk membina jaringan *networking* dengan mengenali antara satu sama lain dan memahami tanggungjawab rakan-rakan sekerja yang lain.

Beliau juga berharap agar mereka dapat menyumbangkan perkhidmatan terbaik demi mencapai tahap penjagaan kesihatan yang cemerlang di negara ini, memandangkan mereka terdiri daripada generasi muda yang berkelulusan dan bersemangat tinggi.

Jelasnya, mereka bukan sahaja mampu menyumbangkan kepakaran profesional masing-masing tetapi juga dapat memberikan buah fikiran yang

bernas untuk penambahbaikan perkhidmatan sedia ada.

Beliau turut menasihatkan supaya mereka terus bersemangat tinggi, tidak segan untuk bertanya, mempunyai kemahuan untuk belajar dan bersedia menyumbangkan idea yang bernas.

"Di samping itu, saya juga ingin mengingatkan para pegawai baharu untuk terus mengamalkan sikap positif dan membina komitmen tinggi untuk berjaya serta berusaha bersungguh-sungguh untuk memikul tanggungjawab bersama-sama warga Perkhidmatan Awam yang lain untuk menjaga nama baik Kementerian Kesihatan.

"Jalankan lah tanggungjawab sebagai pegawai kerajaan dengan sebaik-baiknya dan patuhi peraturan-peraturan disiplin yang telah ditetapkan demi kesejahteraan serta pembangunan diri," ujarnya lagi.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Doa Selamat oleh Ketua Bahagian Keagamaan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim Haji Matassim.

Majlis diteruskan dengan ucapan penutup rasmi kursus yang disampaikan oleh tetamu kehormat, disusuli dengan penyampaian sijil kepada para peserta kursus.

Kursus tersebut dikendalikan oleh Bahagian Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan yang telah dijalankan selama lima hari

bermula 27 Oktober hingga 1 November 2025 di Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Seramai 44 orang pegawai telah menyertai kursus induksi ini, terdiri daripada 10 orang dalam bidang kedokteran, 19 orang dalam bidang Allied Health Professionals, dan 15 orang dalam bidang Non-Health.

Objektif kursus induksi berkenaan adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan asas mengenai dasar-dasar dan falsafah negara, visi dan misi Kementerian Kesihatan, peraturan-peraturan kerja dalam Perkhidmatan Awam, serta kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Di samping itu, kursus induksi ini juga diharap akan dapat mewujudkan kerjasama sepasukan (*teamwork*) dalam kalangan pegawai, menerapkan unsur-unsur nilai Islam dalam perubatan dan kesihatan, serta memperkenalkan budaya dan etika kerja yang positif.

Turut hadir di majlis, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Kementerian Kesihatan akan terus komited dalam memperkukuh pembangunan sumber manusia bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang cemerlang dan berkesan.

Tingkatkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan kesihatan kanak-kanak



SUASANA pada siri ceramah kesihatan bertajuk 'WCD Talks 2025 : Discovering How Investing in Pregnancy and Childhood Impacts a Lifetime' yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan (atas kiri, atas tengah dan atas kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Sabtu, 1 November. - Bersempena dengan Hari Kanak-Kanak Sedunia yang disambut pada setiap 20 November, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Pendidikan, Brunei Paediatric Society (BPS) serta Yayasan Kanser Kanak-Kanak (YASKA) telah menganjurkan siri ceramah kesihatan bertajuk 'WCD Talks 2025 : Discovering How Investing in Pregnancy and Childhood Impacts a Lifetime'.

Acara tersebut diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Kementerian Kesihatan

berhasrat agar ceramah bersiri ini akan dapat meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan pelaburan awal dalam kesihatan kanak-kanak, dan bagaimana penjagaan sejak dari kehamilan mampu memberikan impak positif terhadap kesejahteraan sepanjang hayat.

Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia pada tahun ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu kesihatan yang dihadapi oleh kanak-kanak dan remaja di pelbagai peringkat umur; menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan menyeluruh kanak-kanak sejak dari kehamilan

hingga ke usia remaja, serta meningkatkan tahap celik kesihatan dalam kalangan masyarakat melalui pendekatan 'Life Course Health'.

Sambutan berkenaan turut menyokong Matlamat 2 Wawasan Brunei 2035, iaitu 'Taraf Hidup yang Tinggi termasuk Warga Sihat', serta Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (SDG 3) - 'Kesihatan dan Kesejahteraan untuk Semua'.

Ceramah bersiri ini menampilkan pelbagai topik berkaitan kesihatan kanak-kanak dan remaja yang disampaikan oleh pakar-pakar perubatan dari pelbagai bidang termasuk pediatrik, obstetrik dan ginekologi; psikiatri, fisioterapi dan

pemakanan.

Antara topik yang diketengahkan termasuk 'Life Course Health', 'Healthy Mothers: The Foundation of a Thriving World', 'Breastfeeding: The Key to a Strong Start in Life', 'Beyond the Screen', 'Balance Your Plate', 'Balance Your Life', 'Movement for Growth', 'Is Obesity a Disease', 'Eat Iron - Kick Anaemia' dan 'Healthy Mind, Healthy Life'.

Selain ceramah, acara turut disertai dengan aktiviti interaktif, kuiz Kahoot, pameran poster pendidikan, serta permainan berhadiah yang bertujuan untuk menarik minat peserta dan memperkukuh mesej kesihatan yang disampaikan.

Usaha ini adalah sejajar dengan komitmen Kementerian Kesihatan

untuk memastikan setiap kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam membesar dalam keadaan sihat, sejahtera dan berpotensi penuh demi masa hadapan yang lebih baik dan produktif.

Sesi seterusnya akan diadakan pada 8 dan 15 November 2025 bagi warga kementerian-kementerian yang terlibat.

Manakala, sesi bagi orang awam dijadualkan berlangsung pada 23 November 2025 di OneCity Mall.

Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran, orang ramai boleh melayari pautan linktr.ee/bruneipaediatricsociety atau mengimbas kod QR melalui akaun media sosial rasmi Instagram Kementerian Kesihatan @mohbrunei.

AFSA TERUS PERKUKUH SOKONGAN TERHADAP RS



MAJLIS menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) dengan TSSTG Event Management diadakan di Pejabat AFSA, Jalan Kebangsaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Aftercare Support Association

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 November. - Dalam usaha berterusan untuk memperkukuh sokongan terhadap Rakan Seliaan (RS), Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) meneruskan komitmen membantu golongan tersebut membina kehidupan yang lebih baik dan bermakna melalui pelbagai kerjasama strategik dengan sektor swasta.

Terbaharu, AFSA hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan TSSTG Event Management. Majlis diadakan di Pejabat AFSA, Jalan Kebangsaan.

Majlis penandatanganan tersebut disaksikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penjara, Awang Haji Aliddin bin Haji Ahmad, yang hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi mewakili Pemangku Pengarah Penjara.

Turut hadir, Yang Dipertua AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Mohd. Jaya; ahli-ahli Jawatankuasa AFSA; serta wakil-wakil daripada TSSTG Event Management.

Menandatangani bagi pihak AFSA ialah Dayang Hajah Juhana selaku Yang Dipertua AFSA, manakala pihak TSSTG Event Management diwakili oleh Pengarah Urusan TSSTG Event Management, Awang Md. Noh bin Awang Amit.

Melalui MoU tersebut, kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam menyediakan peluang pekerjaan, latihan kemahiran dan aktiviti pembangunan diri yang bersesuaian dengan kemampuan serta minat RS, bagi membantu mereka kembali berperanan secara produktif dalam masyarakat.

Sahut cabaran untuk berikan yang terbaik

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Sabtu, 1 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) bakal melakar sejarah apabila menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN (ASEAN School Games, ASG) Ke-14, tahun 2025, yang dijadualkan berlangsung selama sembilan hari mulai 20 hingga 28 November 2025.

Sebanyak lapan acara sukan akan dipertandingkan pada edisi kali ini, termasuk badminton, bola keranjang, olahraga, renang, bola jaring, pencak silat, sepak takraw dan wushu.

Menjelang Kejohanan ASG Ke-14 tersebut, Pelita Brunei berkesempatan meninjau persiapan pasukan olahraga Brunei yang kini giat menjalani latihan.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Pengurus Pasukan Olahraga, Awang Mohammad Yussof menekankan bahawa setiap atlet perlu membawa mentaliti seorang juara, bukan hanya mengejar kemenangan semata-mata, tetapi menzahirkan usaha, disiplin dan komitmen dalam setiap latihan dan pertandingan.

Pada masa yang sama, beliau mahu para atlet berani mencuba, tidak mudah berputus asa, dan sentiasa melihat setiap pertandingan sebagai peluang untuk belajar dan berkembang.

Beliau turut menanamkan nilai semangat kesukanan yang tinggi dalam kalangan atlet dan percaya jika mereka dapat mengawal emosi, kekal fokus, dan yakin

dengan kemampuan diri, maka mereka bukan sahaja dapat menunjukkan prestasi terbaik, tetapi juga menjadi contoh kepada orang lain.

Yang penting, mereka bertanding dengan integriti dan hati yang bersih - menang dengan bermaruah dan kalah dengan berlapang dada, tambahnya.

Awang Mohammad Yussof turut mengingatkan bahawa kejayaan atlet tidak hanya bergantung kepada latihan fizikal, tetapi turut diperkukuh oleh sokongan moral dan emosi daripada keluarga, guru serta komuniti.

Ujarnya, apabila atlet tahu ada orang yang percaya dan bangga dengan usaha mereka, keyakinan diri dan motivasi mereka meningkat. Sokongan itu membina semangat kebersamaan dan kekuatan dalaman yang luar biasa.

Manakala bagi jurulatih pasukan olahraga, Awang Azmize bin Abd. Rahman, menyatakan persiapan sedang giat dijalankan menjelang hari kejohanan yang semakin dekat. Para atlet diberikan latihan yang banyak tertumpu kepada *speed workout* untuk memaksimumkan kecepatan mereka dan mengekalkan tahap kecergasan mereka.

Selain itu, para atlet diberikan ujian catatan masa pada jarak yang tertentu bagi mengukur dan menilai tahap peningkatan latihan mereka pada setakat ini. Mereka juga pernah didedahkan dengan perlawanan dalam dan luar negara bagi meningkatkan lagi semangat juang mereka agar mereka lebih bersedia semasa ASG nanti.

Antara atlet olahraga yang bakal beraksi pada kejohanan tersebut ialah Awang Mohammad Arif Danial bin Eddy Norisham, yang menyatakan rasa gembira dan bangga apabila diberi peluang mewakili NBD.

Walaupun sedikit gementar kerana tahu saingan kali ini kuat, namun, bagi Awang Mohammad Arif Danial menganggap ia sebagai satu cabaran dalam memberikan yang terbaik.

Bakal beraksi dalam acara 1500 meter, Awang Mohammad Arif Danial berkata latihan pada masa

ini berjalan dengan baik, dengan sesi latihan diadakan sebanyak empat kali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin, Selasa, Khamis dan Sabtu, termasuk satu sesi tambahan pada hari yang dijadualkan. Antara latihan yang dijalani merangkumi lari selang (*interval run*), lari ringan (*easy run*) dan latihan gimnasium.

Berkongsi pengalaman beliau pada tahun lalu yang tidak dapat menunjukkan prestasi terbaik di ASG13 akibat kecederaan yang dialami, Awang Mohammad Arif Danial dengan penuh iltizam mahu bangkit semula dengan lebih kuat pada tahun ini. Sokongan keluarga dan jurulatih banyak memberi dorongan untuk beliau untuk terus berusaha.

Bagi Awang Abdullah Abbas bin Abdullah, salah seorang atlet yang juga akan bertanding dalam acara olahraga, peluang mewakili Brunei di ASG Ke-14 disifatkan sebagai penghormatan dan amanah besar.

Terpilih untuk mewakili negara adalah satu penghormatan, tetapi ia juga satu tanggungjawab besar untuk menunjukkan disiplin, semangat kesukanan dan memberikan yang terbaik demi negara, katanya.

Mengulas mengenai latihan intensif yang dijalani, Awang Abdullah Abbas menjelaskan bahawa mereka kini berlatih di bawah pantauan jurulatih, dengan fokus kepada stamina, teknik dan kekuatan mental.

Walaupun latihan mencabar, kami mendapat banyak pengalaman baharu. Jurulatih bukan sahaja membimbing dari segi fizikal, tetapi juga mental dan apabila mereka rasa letih atau hilang semangat, mereka akan saling memberi dorongan seperti satu keluarga, ujarnya lagi.

Dengan semangat juang yang tinggi, beliau bertekad untuk menunjukkan prestasi terbaik semasa kejohanan nanti.

Apabila namanya terpilih untuk mewakili negara ke ASG Ke-14, Awang Muhd. Nazul Putera Faeiz Firdaus bin Fakhri Zul Khari tidak dapat menyembunyikan perasaan teruja, bangga dan amat bersyukur.

Baginya, peranan menggalas sebagai atlet untuk kejohanan tersebut merupakan satu kepercayaan, amanah besar serta cabaran positif yang diberikan kepadanya untuk terus bersemangat dan berusaha menaikkan nama beliau dalam bidang sukan seterusnya mengharumkan nama negara.

Menurutnya, beliau mula



AWANG Abdullah Abbas bin Abdullah, Pengurus Pasukan Olahraga, Awang Mohammad Yussof bin Yaakub dan Awang Mohammad Arif Danial bin Eddy Norisham semasa ditemu bual.

menjalani latihan sejak Ogos tahun lalu (2024) dengan jadual latihan tetap sebanyak lima kali seminggu, iaitu setiap Isnin hingga Khamis selama dua jam setengah setiap sesi. Latihan yang dijalankan secara konsisten itu telah menjadi rutin penting dalam mempersiapkan diri ke arah kejohanan berprestij tersebut.

Katanya lagi, dorongan utama yang menjadi kekuatan untuk terus berusaha datang daripada sokongan ibu bapa, ahli keluarga, jurulatih serta rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan semangat.

Beliau menambah, jurulatih mereka seorang yang sangat berpengalaman dan amat menekankan disiplin semasa latihan.

"Beliau juga sentiasa memantau tahap kesihatan saya, terutama jika saya mengalami kecederaan. Jika perlu, jurulatih akan membawa saya berjumpa doktor fisioterapi bagi memastikan keadaan saya benar-benar pulih sebelum meneruskan latihan," jelasnya.

Tambahnya, semangat berpasukan dalam kalangan rakan atlet turut memainkan peranan penting apabila mereka saling membantu, memberi panduan dan berkongsi teknik larian untuk memperbaiki prestasi masing-masing.

Mengulas mengenai harapan, beliau menzahirkan cita-cita untuk memberikan yang terbaik bukan

sahaja demi kejayaan peribadi, tetapi juga bagi mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam agar terus berdiri setanding dengan negara-negara lain.

"Saya ingin melihat bendera negara berkibar megah di pentas antarabangsa hasil kemenangan para atlet negara. Saya juga berharap agar usaha ini membuka peluang untuk saya memperoleh biasiswa dalam bidang pelajaran dan sukan," ujarnya penuh harapan.

Sebagai penutup, beliau turut menitipkan pesanan kepada rakan-rakan atlet agar tidak mudah berputus asa. Jangan pernah menyerah kalah selagi belum bertanding. Bertandinglah secara sihat untuk memperbaiki kelemahan kita semalam. *Bekarih, bejarih dan belurih* - itulah kunci kejayaan sebenar, tegasnya dengan semangat.



JURULATIH pasukan olahraga, Awang Azmize bin Abd. Rahman.



AWANG Muhd. Nazul Putera Faeiz Firdaus bin Fakhri Zul Khari.

PMB MEMARTABATKAN DIKIR MARHABAN, SYAIR DALAM MASYARAKAT



PEMANGKU Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu mengetuai rombongan bagi menghadiri Pesta Marhaban Borneo (PMB) selama tiga hari bermula 31 Oktober hingga 2 November 2025 di Hikmah Exchange & Event Centre, Kuching, Sarawak.

mempereratkan silaturahim dalam kalangan masyarakat Melayu di Kepulauan Borneo serta memperkenalkan cara persembahan marhaban (dikir) dan syair, menjadi platform pertukaran ilmu dan seni bacaan atau persembahan marhaban antara negeri dan negara khususnya di kepulauan Borneo.

Selain itu, penyertaan ini turut memberi peluang kepada pegawai - pegawai KHEU khususnya para pegawai masjid untuk meningkatkan kemahiran vokal, disiplin kumpulan dan adab persembahan dalam membawakan Dikir Marhaban.

Melalui penglibatan ini, para peserta berpeluang mendalami teknik, variasi serta inovasi dalam penyampaian Dikir Marhaban.

Penganjuran kali ini turut diserikan dengan Pertandingan Dikir Duduk Peringkat Sarawak dan Bengkel Marhaban Borneo yang melibatkan pembentangan daripada semua perwakilan peserta.

Adalah dihasratkan agar penglibatan berterusan KHEU dalam PMB ini akan dapat membantu memperkenalkan dan mengongsikan Dikir Brunei sebagai warisan turun-temurun di negara ini.

budaya Melayu di kepulauan Borneo yang menghimpunkan kumpulan marhaban dan dikir dari empat wilayah utama iaitu Sarawak, Sabah, NBD serta Kalimantan Barat, Republik Indonesia yang merangkumi Kota Pontianak, Kota Singkawang, Kabupaten Sambas dan Kabupaten Mempawah.

Antara objektif Pesta Marhaban tersebut dianjurkan adalah untuk memartabatkan marhaban (dikir) atau syair dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda.

Ia juga sebahagian daripada warisan budaya Melayu Islam yang perlu dilestarikan selaras dengan visi KHEU untuk memartabatkan budaya berteraskan Islam.

Di samping itu, ia

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 November. - Seramai 10 orang peserta daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) telah menghadiri Pesta Marhaban Borneo (PMB) yang berlangsung selama tiga hari bermula 31 Oktober hingga 2

November 2025 di Hikmah Exchange & Event Centre, Kuching, Sarawak.

Rombongan berkenaan diketuai oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, JHEM, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.

Pemilihan peserta dibuat

berdasarkan kepakaran, kemahiran dan pengalaman berkaitan Dikir Brunei yang akan dipersembahkan, sebagai usaha memperlihatkan keunikan budaya dan tradisi Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD).

PMB merupakan inisiatif anjuran Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) yang bertujuan untuk menampilkan

Mengetengahkan bakat murid-murid Kelas Al-Quran, Muqaddam



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im

MENTIRI, Sabtu, 1 November. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im kelmariin menganjurkan Pertandingan Menghafaz Surah-Surah Pilihan, Pertandingan Azan Subuh dan Aktiviti Mewarna bagi Kelas Al-Quran dan Muqaddam,

bertempat di masjid berkenaan.

Seramai 35 peserta yang terdiri daripada pelajar kelas Al-Quran dan Muqaddam masjid tersebut menyertai pertandingan-pertandingan yang dikendalikan oleh Penyelia

PEGAWAI Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Saifullah bin Haji Rosli semasa menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para penerima (kiri dan bawah kiri).

Bahagian Pendidikan dan Penyelia Hal Ehwal Muslimah, Masjid An-Na'im.

Bagi Kategori Azan Subuh, Awang Mohd. Arif Arsyad bin Mohd. Ali Rahman muncul juara manakala Hafazan Surah untuk Kategori Iqra 4-6 Perempuan pula dimenangi oleh Dayangku Nur Arisyah Batrisyah binti Pengiran Haji Md. Sapiudin.

Sementara Hafazan Surah bagi Kategori Al-Quran Lelaki dan Perempuan pula, masing-masing dijuarai oleh Awang Muhd. Zaidan Alimi bin Ahmad Ilimi dan Dayang Eisyatul Fareehah Hannani binti Md. Ayyub.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Saifullah bin Haji Rosli.

Adapun tujuan pertandingan itu diadakan adalah untuk melahirkan kanak-kanak yang boleh membaca Al-Quran dengan lancar dan sempurna, disamping untuk mencungkil bakat murid-murid Kelas Al-Quran dan Muqaddam



Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan **lelaki** dan No. 2 di kalangan **wanita** di Negara Brunei Darussalam.

Penyebab bagi: 1 dalam 10 kanser lelaki, 1 dalam 5 kanser wanita

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika anda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari: <https://moh.gov.bn/>



serta menjadikan Al-Quran sebagai teman dalam kehidupan.

Selain itu, ia juga dihasrat menarik minat lebih ramai kanak-kanak untuk mengikuti apa jua aktiviti yang dijalankan di masjid-masjid khususnya Kelas Al-Quran dan Muqaddam yang secara tidak langsung menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran

dakwah kepada masyarakat umum.

Setentunya dengan adanya pertandingan itu juga merupakan salah satu usaha memupuk minat kalangan murid Kelas Al-Quran dan Muqaddam di masjid agar celik Al-Quran dan menjadikan membaca Al-Quran sebagai amalan harian yang berterusan.

سردار سروي

عملكن چارا هيدوف صيحت

اكو مندغر رسول الله ﷺ برسيدا: مَا مَلَأَ آدَمِيَّ وَعَاءَ شَرًّا مِنْ بَطْنٍ، حَسْبُ الْآدَمِيَّ، لَقِيمَاتُ يُقَمِّنُ صُلْبَهُ، فَإِنْ غَلَبَتِ الْآدَمِيَّ نَفْسُهُ، قُتِلَتْ لِلطَّعَامِ، وَتِلْكَ لِلشَّرَابِ، وَتِلْكَ لِلنَّفْسِ.

مقصودن:

تياد ساورغ أنق آدم يغ ممنوهي سسواتو بكس يغ لبيه بوروق دري فروتن. جوكوفله باكي أنق آدم ايت ماكن برفا سواف ماكن اوتنوق مغواتكن توبوهن. كاللاو مسني جوك تيدق دافت دلبلقكن، مك إيسيله فروت سقدر ساتو فرتيك اوتنوق ماكن، ساتو فرتيك اوتنوق مينومن دان ساتو فرتيك اوتنوق برنقس. {حديث رواية ابن ماجه}

سسوغكوهن رسول الله ﷺ بوكن سهاج مغاجر كيت باكيما برلمان دان برعبادة كهد الله ﷺ، تنافي جوك مغاجر باكيما كيت مليمهارا توبوه، عقل دان جيوا يغ صيحت، ماكن حلال يغ بايك، فماكن سدرهان، تيلور يغ بركواليني، كرسپهن ديرى دان هاتي، كاي هيدوف يغ أكتيف، برأوسها دغن برأوبت دان منجالي راوتن كنيك ساكيت. سموان اداله رهسيا كتنغن جيوا دان كسجهتران توبوه دان عقل يغ صيحت.

آخرن، ماريله كيت مينلاي سمولاي كاي هيدوف كيت. ماكنله ماكن يغ حلال دان صيحت سرتا سلبيغ، عملكن كاي هيدوف أكتيف. هر كاي نعمت كصيحتن توبوه بادن سباكاي امانه الله ﷺ دان جاديكن كصيحتن سباكاي ألت اوتنوق برعبادة دان برخدمت كهد بغسا دان نكارا. سموك دغن يغ دمكين كيت اكن دافت مغرجاكن سكل عمل عبادت دغن لبيه بايك دان سمقورنا سرتا منجالي كهيدوفن سهارين دغن موده دان لنجر. آمين يا رَبِّ العالمين.

تفسيرن:

واهاي أنق-أنق آدم! فاكيله فاكين كامو يغ بايك لايكي سمقورنا ستياف كالي منديريكن سمبيغ (دان طاوف)، سرتا ماكن دان مينومله دان جاغنه برليه-لبيهن. سسوغكوهن الله تيدق موكاي اورغ-اورغ يغ برليه-لبيهن. {سورة الأعراف آية: ٣١}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاسِينَ.

كيت برشكور كحضرة الله ﷺ كران دغن ليمفه رحمتن جوا رعيت دان فندودوق دنكارا اين تله منجاني تاهف كصيحتن يغ بايك. سموا اين اداله بركت دعاء دان أوسها سموا فيهي، تراوتامن كقيمقين دان كوميتمن تيغكي كراجان كباوه دولي يغ مها مليا فادك سري بكندا سلطان دان يغ دفرتوان نكارا بروني دارالسلام. كتهويله، بهاوا منجك كصيحتن مروفانن ساله ساتو بنتوق جارا كيت منظاهيركن راس شكور كحضرة الله ﷺ أنس نعمت كصيحتن يغ تله دانو كرهكنن كهد كيت.

لغكه-لغكه دان أوسها كراجان دان اورغ راماي سرتا فيهي سواستا اداله أمت فتيغ دالم منجان كصيحتن بغسا. فلباكاي أوسها تله دجالنكن اوليه كمترين كصيحتن كاره منيغكنن تاهف كصيحتن رعيت دان فندودوق نكارا اين، انتاران اياه دغن تربينان هوسفتيل-هوسفتيل، فوست-فوست كصيحتن دان كلينيك-كلينيك كصيحتن.

سسوغكوهن تاهف كصيحتن يغ كيت نعمتي قد ماس اين اداله حاصل أوسها دان كرجاسام سموا فيهي. جونتوهن فركمبغن دالم سيكتور إيكونومي، فنديدين، أكام دان فمباغونن نكارا جوك توروت ميوبيغ كاره فييغكنن تاهف كصيحتن. جونتوهن سومير أير فايف يغ كيت فراوليهي اداله برسيه دان سلامت. أير يغ برسيه دافت منجكه فلباكاي كجلا فباكيت باوان أير. بكيو جوك فركمبغن لايين سقرتي فمينان جالن راي دان كموداهن-كموداهن لايين تله ممبوليهكن اورغ راماي مغونجوي فوست-فوست اتاو كموداهن كصيحتن يغ دسدليكن دغن موده.

اكن تنافي كيت جوك تيدق ترلقس دري مغهادي جابرن-جابرن يغ مغانجم كصيحتن حاصيل دري كشتن فمباغونن دان كهيدوفن يغ مودن. كيني كيت برهدافن دغن برباكاي فباكيت يغ دسبيكن اوليه كاي هيدوف مودن تله منجادي فونجا أوتام كمتين دنكارا اين سقرتي فباكيت كنسر، فباكيت جنتوغ، بواه فيغكغ، كنجيغ مانيس دان ساومقامان. فباكيت-فباكيت ترسبوت اداله فباكيت-فباكيت كرونك يغ ممرلوكن كوس راوتن يغ تيغكي. اوليه ايت، اوتنوق مغهيندركن دري تركنا فباكيت سقرتي اين، كيت هندقله منجك فرماكن سهارين سجارا سلبيغ دان مغعمالكن جارا هيدوف يغ صيحت.

جماعه يغ درحمي الله،

كيت هندقله ماكن مغيكوت كقرلوان أكيويي دان كجركسن يغ كيت لايكون ستياف هاري كران فرماكن يغ برليهن اكن مغونداغ فلباكاي كجلا دان مسئله كصيحتن. درقد مقدام بن مغدي كُرب ﷺ بركات:

جماعه يغ درحمي الله، برتقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكنن كيمانن كهدن. سسوغكوهن اورغ يغ فالبيغ مليا دسيسي الله ﷺ ايت اياه اورغ يغ فالبيغ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷺ براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

ساله ساتو نعمت يغ دانو كرهكن الله ﷺ يغ أمت برهرك كهد كيت سموا اياه نعمت صيحت توبوه بادن. تياذ ساورغ فون يغ ماهو تركنا ساكيت، بهكن ستياف اورغ مينا اكر ديرين دجاوهكن درقد ساكيت كران ساكيت بوليه ميبين سساورغ ايت سوكر اوتنوق ملقسناكن سسواتو فركارا. اوليه ايت، أكام اسلام ساعت مغمبيل برت تنغ كصيحتن دان مپرو أومتن اوتنوق مغمبيل لككه-لغكه ترنتو باكي مغاول ديرى دري تركنا سبارغ فباكيت.

أكام اسلام جوك ممرينتهكن أومتن سوفاي برأوسها دان برأوبت اقبيل دتيمقا فباكيت، بوكن هان ممباركنن اتاو برسراه كهد تقدير سمات-مات. سسوغكوهن كصيحتن اداله انتارا فكور أوتام كاره منجاديكن ديرى، مشاركت دان أومت ايت قوات. ايتله يغ دهارفكن اوليه أكام اسلام، سباكيما حديث نبي ﷺ يغ دروايتكن اوليه امام مسلم، درقد أبو هريرة رَوى عَنْهُ كاتن: تله برسيدا رسول الله ﷺ: الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ.

مقصودن:

ساورغ مؤمن يغ قوات ايت لبيه بايك دان لبيه دسوكاي اوليه الله ﷺ برنديغ ساورغ مؤمن يغ له.

جماعه يغ درحمي الله،

دالم منجك كصيحتن دان مغهيندركن ديرى درقد تركنا فباكيت، كيت هندقله سنتياس منجك كنرسپهن دغن سبايك-بايكن دالم ستياف أسقيك. اسلام تله ممرين فرايغن كهد أومتن سوفاي جاشن ملاكون فركارا-فركارا يغ بوليه مندانغكن كمضرتن كهد عقل دان توبوه بادن سرتا مغحرامكن سموا ماكن، مينومن دان بندا-بندا يغ بوليه مميناسكن دان ممبهايكن مانسي سقرتي أرق، روكوق، فبالهكونان داده دان يغ ساومقامان. الله ﷺ برفرمان دالم سورة البقرة آية ١٩٥:

تفسيرن:

دان بلنجاكنله (هرتا يغ اد قد كامو) قد جالن الله دان جاغنه كامو سجاج منجروموسكن ديرى كامو سنديري كدالم كينسان. دان بربوات بايكله كامو كران سسوغكوهن الله موكاي اورغ-اورغ يغ بربوات كبايكن.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
18 / BBS / SH / 2025 - 2026
Repair Sunken Paver Block At Jalan
Sultan Omar Ali Saifuddin, Seria

**Dibukakan kepada pemborong -
pemborong yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam**

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
18 November 2025
jam 2.00 Petang


**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 69 / 2025
Penyediaan Perkhidmatan
Mesin Layan Diri Bagi Jabatan
Daerah Brunei Dan Muara Serta
Premis-Premis Di Bawah
Kawalannya Untuk Tempoh
Tiga (3) Tahun

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDBM / Q / 70 / 2025
Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Bagi Premis Di Bawah
Kawalan Jabatan Daerah Brunei
Dan Muara, Selama Enam
Belas (16) Bulan,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 71 / 2025
Penswastaan Bagi Tempoh 18
Bulan Kerja-Kerja Pembersihan,
Mengutip Dan Membuang
Sampah Bertempat Letak
Kereta Kampung Sungai Bunga,
Jalan Kota Batu,
Mukim Kota Batu,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
4 November 2025
Jam 2.00 Petang



Iklan Tarikh Lanjutan

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

Kelas:
(II & III Sahaja)

Kategori:
[P01/KA01 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
4 November 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
11 November 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 040 / 2025

Nama Projek:
Kerja Membaik Pulih Pam Sungai
Burong No. 2 dan Penggantian
Injap Masuk Butterfly DN500 Di
Loji Rawatan Air Layong

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-

Iklan Tarikh Lanjutan

Kelas :
VI Sahaja

Kategori:
KA01 & M03 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
4 November 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
11 November 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 043 / 2025

Nama Projek:
Menaiktaraf Loji Rawatan Air Dan
Penyambungan Paip Air Utama
Bagi Ke Semua Daerah : Loji
Rawatan Air Bukit Barun Peringkat
6 & 7, Daerah Tutong (Fasa-1)

Yuran Tawaran:
BND1,000.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-


**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 085 / 2025

Tajuk:
Supply And Delivery Of Genie
Evo Switchgear For Brunei-Muara
District

Tarikh Tutup:
9 Disember 2025
(Selasa, Jam 2:00 Petang)

Harga Dokumen:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran
Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, Bb3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
P05

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang
lanjut bolehlah diperolehi dari
Kaunter Unit Tawaran dan Sebut
Harga, Tingkat 4, Jabatan
Perkhidmatan Elektrik, Jabatan
Perdana Menteri, Negara Brunei
Darussalam.

Perhatian:
Sila sertakan salinan" BUSINESS
NAMES ENACTMENT, 1958 -
SECTION 16 & 17", sijil
pendaftaran pemborong (MOD),
Sijil Tabung Amanah Pekerja,
"Tap Employer Contribution" dan
'Certificate of Tax Compliance'


**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 078 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery And Install Of Air Inlet
Filter Catridges For GTG9 And
GTG10 At Lumut Power Station

Tarikh Tutup:
11 November 2025, Selasa,
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Pengerusi

Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan
Perdana Menteri, Lobi Utama, Aras 1
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Pemborong Yang Berdaftar Dengan
Kementerian

Kategori:
Syarikat Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Dalam
Kategori P05 Dan Berdaftar Di Bawah
Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39
Dan Memiliki Perakuan Penubuhan
Syarikat Persendirian Yang Sah



Iklan Tarikh Lanjutan

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

Kelas:
(III / IV/ V Sahaja)

Kategori:
[KA01 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
4 November 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
11 November 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 042 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kesemua
Operasi Bantuan / Penyeliaan
Untuk Kerja-Kerja Rutin /
Kecemasan Termasuk Bantuan
Telemetri Ke Atas Tangki-Tangki
Air dan Laluan Paip Untuk Unit
Supply Di Daerah Brunei dan
Muara Selama 36 Bulan

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Iklan Tarikh Lanjutan

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

Kelas:
(V / VI Sahaja)

Kategori:
[KA01 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
4 November 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
11 November 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Ptang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 041 / 2025

Nama Projek:
Penambahbaikan Rangkaian
Sistem Paip Air Utama Dan
Tangki-Tangki Air Bagi Kesemua
Daerah: Membekal Dan
Memasang Paip-Paip Air Utama
Inlet Baharu Ke Tangki Simpanan
Jerudong 1 Dan Tangki Simpanan
Rimba, Daerah Brunei Muara

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-


**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:
(116) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan Kenderaan
Jabatan Penerangan Mitsubishi
Pajero, BG 4461.

Yuran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis, 6 November 2025
Jam 8.00 Pagi



semasa menghantar dokumen ini
ke Jabatan Perkhidmatan
Elektrik.



Bilangan Sebut Harga:
(131) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Pembelian Wiper Blades Baharu
Bagi 14 Buah Kenderaan Jabatan
Penerangan.

Bilangan Sebut Harga:
(132) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga :
Kerja Penyelenggaraan Kenderaan
Jabatan Penerangan
Mitsubishi Pajero GL 2.8 Diesel -
BG 4982 (TT).

Bilangan Sebut Harga:
(133) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja Penyelenggaraan Tayar
Kenderaan Jabatan Penerangan
Mitsubishi Pajero GL 2.8 Diesel -
BG 2001.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
6 November 2025
Jam 8.00 Pagi





**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JPI / 08 / 2024(R)

To Construct,
Supply, Delivery And Deploy
Complete Sets Of Artificial
Reefs ("ARs") For The
Development Of Fishing
Grounds And Juveniles
Breeding Ground In Fishing Zone
1 To Zone 3, Brunei Darussalam
Fishery Limits

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
2 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0043 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Membekal Dan Memasang
Biosecurity Fencing Di Ladang
Udang Yang Terletak Di Ladang
Akuakultur Mentiri Fasa I

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0044 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Of Microscope
To Fishery Research Division Office

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0045 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Technical Service For Calibration Of
Laboratory Equipment In Compliance
To ISO/IEC 17025 Standard

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0046 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Supply, Delivery, Testing And
Commissioning Of Handheld
Multiparameter Water Quality Meter
For Fisheries Ecosystem,
Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0047 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery, Installation,
Testing, Commissioning And Onsite
User Training For Water Quality
Laboratory Equipment For
Department Of Fisheries, Kuala Belait

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0048 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Delivery, Installation ,
Testing And Commissioning Of
Biological Microscope With
Accessories For Department Of
Fisheries, Kuala Belait

Tarikh Tutup:
Khamis, 20 November 2025



kamu ingkar hadir di mahkamah
pada hari dan masa yang
ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengarkan
dan memutuskan kes tanpa
kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa
jika kamu ingin membela diri
terhadap tuntutan tersebut, kamu
hendaklah memfailkan di
Mahkamah ini dan menyampaikan
kepada Plaintiff suatu pembelaan
dalam Borang yang ditetapkan
sebelum tarikh yang disebut di
atas atau hadir di Mahkamah
pada tarikh itu.

Bertarikh :
10 Rabiulakhir 1447H / 2
Oktober 2025M

Meterai
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam

Kamu adalah dengan ini disaman
supaya hadir secara sendiri atau
melalui Peguam Syarie kamu di
hadapan Mahkamah Rendah
Syariah Daerah Brunei dan Muara
pada **Selasa, 27 Jamadilawal**
1447H bersamaan / 18
November 2025M pada jam 2.15
Petang untuk menjawab tuntutan
terhadap kamu oleh plaintiff yang
dinamakan di atas, bagi **Tuntutan**
Cerai Fasakh.

Sila ambil perhatian bahawa jika



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas -
Kategori -

Tarikh Buka Tawaran pada:
23 Julai 2025 (Rabu)

Lanjutan Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
30 September 2025 (Selesa)

Tarikh Tutup Pada:
13 Januari 2026 (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 Petang

(Di Tutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan Terbang
Lama Berakas, Bandar Seri Begawan
BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BKP / RFP / 01 / 2025
Permohonan Cadangan Pelaburan,
Mereka Bentuk, Membangun,
Memiliki dan Mengendalikan Loji
Waste To Energy Plant Di Lot 17394,
Kg. Sg. Paku, Tutong
Negara Brunei Darussalam.

No. Projek:
JASTRE / BKP / RFP / 01 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND5,000.00 (Non-Refundable)



**PUSAT PENGURUSAN
BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
(23) NDMC / TSH / 2025-2026
Sebut Harga Pembekalan Alat
Ganti Baharu Serta Pemasangan
Sistem Brake Actuator ASSY Bagi
Kenderaan National Disaster
Management Centre (NDMC)
Toyota Hilux BG3800

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
26 November 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN IMIGRESEN DAN
PENDAFTARAN KEBANGSAAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
IMMB / 15 / 2025
Tawaran Bagi Perkhidmatan Mesin
Fotokopi Dan Lain-Lain Perkhidmatan
Di Dalam Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Imigresen Dan Pendaftaran
Kebangsaan

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 5 November 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
MFA / PENT / 02 / 2025

Tawaran:
Membekal dan Menghantar (1)
Satu Unit Kenderaan Baru SUV
With Two-Wheel Drive (2WD) Untuk
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Tarikh Tutup:
Selasa, 11 November 2025



1. Bilangan Sebut Harga:
05 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Supply, Deliver And Installation Of
Smart Interactive Display Panel
Screen

2. Bilangan Sebut Harga:
06 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract For General
Cleaning And Ground
Maintenance Services At The
Secretariat Office Jalan Perayaan
For A Period Of Twelve
(12) Months

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
IMMB / 16 / 2025
Tawaran Bagi Penyewaan Ruang
Penjualan Makanan Dan Minuman
(Kantin) Di Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Imigresen Dan
Pendaftaran Kebangsaan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
IMMB / 17 / 2025
Tawaran Bagi Penyewaan Ruang
Penjualan Makanan Dan Minuman
(Main Entrance) Di Bangunan Ibu
Pejabat Jabatan Imigresen Dan
Pendaftaran Kebangsaan

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 5 November 2025
Jam 2.00 Petang



Jabatan Hal Ehwal Syari'ah
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
34 / JS / A / 14 / 2024 PT.2

Kelas:
Vehicles Supplier / Agent Only

Kategori:
Vehicles Supplier / Agent Only

Tawaran Sebut Harga Pembelian
Kenderaan 12 - 15 Seater,
Bagi Jabatan Hal Ehwal
Syari'ah, Kementerian Hal
Ehwal Ugama



Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 19 November 2025
Jam 2.00 Petang




**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 13 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej A - Stadium Negara
Hassanal Bolkiah Taman Budiman,
KSNHB (Taman Belia)

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 14 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej B - Padang & Balapan,
KSNHB Kompleks Sukan Berakas

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 15 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej C

a) Kolam Renang, KSNHB
b) Kolam Renang Anggerek Desa

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 16 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej D

a) Kompleks Sukan Menglait
b) Padang Ong Sum Ping
c) Padang Terunjing
d) Padang Sukan Serbaguna
Lambak Kanan

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 17 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej E

a) Pusat Belia, BSB
b) Kompleks Sukan Sungai Kebun

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 18 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej F

a) Dewan Serbaguna, KSNHB
b) Pusat Boling Padang
c) Pusat Petanque


KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
Kenyataan Sebut Harga
**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

18 / JULY / 2025 / KKBS / PJK /
16.91 (R)
To Fabricate, Supply And Install
Signages For Ministry Of Culture,
Youth And Sports,
Brunei Darussalam (Requotation)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 13 November 2025
Jam 2.00 Petang


Kenyataan Tawaran
Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

22 / SEPT / 2025 / KKBS / PJK /
16.105 (R)
General Building Term Maintenance
For A Period Of Twenty – Four (24)
Months For Program Khidmat Bakti
Negara Training Camp Building,
Batu Apoi, Temburong (Retender)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 11 November 2025
Jam 2.00 Petang


Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

S01 / PASYSTEM / KKBS /
BPK / UP
To Repair Four (4) Units
Line Array Power Speaker, One (1)
Unit Power Mixer And Two (2)
Units Controller / Network

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 13 November 2025
Jam 2.00 Petang


Kenyataan Tawaran
Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

27 / OCT / 2025 / KKBS / PJK /
16.105 / 2
Two (2) Years Term Maintenance
Repair And Rerigging Works To
Various Existing Training Facilities
At Batang Duri Camp,
Outward Bound Brunei
Darussalam (OBBD) Temburong,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

28 / OCT / 2025 / KKBS / PJK /
16.105 / 2
Three (3) Years Term Maintenance
Repair To Multi Training Structures
(MTS) And Personal Protective
Equipment (PPE) At Program
Khidmat Bakti Negara
(PKBN) Camp,
Batu Apoi Temburong,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 11 November 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN DAERAH
TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Jawatan Kosong Sebagai

**Penghulu Mukim Tingkat III -
PMKK.4 (BND3,880 - BND4,240)**

Bagi Daerah Temburong
Penghulu Mukim Zon 2

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Temburong dengan
sukacitanya mempelawa dan
menjemput penduduk-penduduk
yang bermastautin di Mukim Bokok
dan Mukim Amo, Daerah Temburong
untuk menghadapi pencalonan
bagi mengisi jawatan sebagai
Penghulu Mukim Zon 2 di
Daerah Temburong.

**Tatacara Menghadapkan Borang
Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh didapati dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut: -

**Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi Penghulu
Mukim dan Ketua Kampung
Jabatan Daerah Temburong
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang
pencalonan adalah pada Sabtu, 6
Rejab 1447 bersamaan 27 Disember
2025, jam 4.00 petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian 5221110.

**Mukim-Mukim Tadahan Jawatan
Kosong Bagi Penghulu Mukim Zon
2, Daerah Temburong: -**

Mukim Bokok
Mukim Amo


d) Gelanggang Gasing
**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 19 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej G

a) Gelanggang Tennis, KSNH
b) Stadium Tertutup, KSNHB
c) Kompleks Sukan Air Serasa

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 20 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

PAKEJ H

a) Pusat Stor, JBS (No: 80,
Spg 336-52, Block Unit 15 Banglo,
Jln Kebangsaan Lama)
b) Perkampungan Sukan, KSNHB
& Padang Kawad
c) Stadium Hoki, KSNHB
d) Pusat Skuasy, KSNHB

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 21 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej I

Kompleks Sukan Jerudong

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 22 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej J

(Cawangan Daerah Tutong)

a) Kompleks Sukan Tutong
b) Pusat Akuatik
c) Balapan Dan Padang
d) Pusat Belia

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 23 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej K

(Cawangan Daerah Belait)

a) Kompleks Sukan Mumong
b) Padang Arena, Seria
c) Ibu Pejabat
(Jalan Mualana, KB)
d) Pusat Belia & Dewan Riadah
(Gudang Beras)
e) Bangunan Persatuan-
Persatuan Sukan,
f) No: 148, Spg 24-30, Jln Panglima

**Bilangan dan Keterangan
Tawaran:**

JBS / ADM / TDR / 24 / 2025
Contract For 24 Months On
Housekeeping Landscape
Maintenance, Grass Cutting &
Garbage Collecting Of Existing
Jabatan Belia Dan Sukan Sports
Complexes And Venues

Pakej L

(Cawangan Daerah Temburong)

a) Kompleks Sukan Temburong
b) Kolam Renang Temburong
c) Pusat Belia

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
Selasa 4 November 2025


**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Kenyataan Sebut Harga
Bilangan Rujukan:

JBBSB / SH / 2025 – 2026 / BPAK / 05

Tajuk Sebut Harga:

Pengurusan Dan Pengendalian Gerai
Malam Hujung Minggu (Weekend
Night Market) Di Pusat Bandar,
Bandar Seri Begawan Bagi Bulan
November Dan Disember
Sempena Sambutan Memperingati
Hari Ulang Tahun Penukaran Nama
Bandar Brunei Ke Bandar Seri
Begawan Kali Ke 55 Bagi
Tahun 2025

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis, 6 November 2025,
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**

Bahagian Pengurusan Aset
Komersial, Tingkat 2,
Bangunan Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan,
Jalan Perdana Menteri





KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU /
TA / GSU / 001
[JPPK/LTN/10/2025]
Proposed Multipurpose Warehouse
For Gurkha Security Unit

Tarikh Mula Tawaran:
3 November 2025

Kelas:
III dan ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sembilan (09) Bulan

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada
Isnin, 1 Disember 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
9 Disember 2025 (Selasa)
2.00 petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 / T /
TL / 003 [JPPK/LTN/17/2025]
Three (03) Years Operational
Maintenance And Corrective Repair
For Royal Brunei Naval Base Muara,
Ministry Of Defence,
Brunei Darussalam

Tarikh Mula Tawaran:
3 November 2025

Kelas:
V dan ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang
Tawaran adalah pada hari Isnin, 1
Disember 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
9 Disember 2025 (Selasa)
2.00 petang



JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

Rujukan Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPA / BL / Q /
2025 - 40

Comprehensive Planned
Preventive Maintenance And
Training For RCED Officers
For Nuctech FS60000
Fast Scan Container / Vehicle
Inspection System
For Royal Customs And Excise
Department

Tarikh Tutup:
25 November 2025



JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

Sebut Harga:
JPH / 004 / SH / 2540 / 2025 -
2026

Projek Kesedaran Awam
Bahagian Hidupan Liar:
Mereka Bentuk, Penyediaan dan
Pemasangan Papan Tanda
Peringatan Perlindungan Hidupan
Liar dan Hutan

Borang Pendaftaran Syarikat:
BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00
-Tidak Dikembalikan-

Tarikh Tutup:
Khamis, 20 November 2025
2.00 petang



Tajuk Sebut Harga:
JPH / 004 / SH / 2560 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Penambahan Bilik
Penyimpanan Spesimen Di
Bangunan Herbarium Negara,
Sungai Liang, Daerah Belait

Dibukakan kepada penender-
penender yang berdaftar di
Kementerian Pembangunan dalam
Kelas I dan Ke atas dan Kategori
Kerja KA01 – Kerja-kerja Am
Kejuruteraan Awam

**Borang Pendaftaran Syarikat (Jika
belum berdaftar):**
BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00 -Tidak Dikembalikan-

Tarikh dan Jam Tutup Sebut harga:
Khamis, 20 November 2025
2.00 petang



سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

KESALAHAN-KESALAHAN
DI BAWAH

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan maklumat yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan maklumat atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN**



PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI
KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN
KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

**DIKENAKAN TINDAKAN
TATATERTIB DAN BOLEH
DITAMATKAN PERKHIDMATAN
DENGAN SERTA-MERTA.**



PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**



SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1 Pilih makanan segar dan tidak berproses

2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok




hpcbrunei




Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123



IMBASAN MINGGUAN



MERAFAKKAN Doa Kesyukuran sempena Memperingati Penubuhan Masjid Kampung Bukit Udal Ke-30 Tahun anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, yang merupakan Sambutan Jubli Mutiara. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

BENGKEL Fardhu Kifayah Pengurusan Jenazah khusus bagi Pegawai-pegawai Masjid Zon 2 yang diadakan di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS), Kampung Rimba. - Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan.



ANTARA aktiviti yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Beribi Kawasan 2 semasa Bazar Usahawan yang berlangsung di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

PARA ahli keluarga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa hadir bagi sama-sama mengiringi pemergian ahli keluarga mereka yang menyertai Malaysian Battalion 850-13 (MALBATT 850-13) dalam misi pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL). - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



PARA peserta semasa menyertai Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ruby Run di Bandar Seri Begawan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-40 UBD. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

AKSI semasa perlawanan bola jaring sempena Sambutan Hari ASEAN Ke-58 Tahun. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

MPK SUNGAI BUNGA TERIMA KUNJUNGAN MPK LUBOK PULAU

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga

KOTA BATU, Ahad, 2 November. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga pagi tadi menerima lawatan daripada MPK Lubok Pulau seramai 33 orang.

Lawatan berkenaan adalah di bawah Program Berdun ke Kampung Sungai Bunga.

Semasa lawatan berkenaan, rombongan dibawa menelusuri Sungai Brunei dengan menaiki bot sambil menikmati suasana kampung dan pemandangan pulau.

Sejurus tiba di Pusat Aktiviti Pelancongan Seri Tanjung MPK Sungai Bunga, rombongan

SESI bergambar ramai pada lawatan tersebut.

berkesempatan melihat demonstrasi pemrosesan dan pembuatan tiga jenis makanan termasuk keropok udang, Kuih Sapit, Putu Mayam dan menumpah ambuyat.

Adapun Ahli-ahli MPK Sungai Bunga secara aktif mengendalikan perkhidmatan pelancongan berasaskan komuniti dengan tujuan untuk menggerakkan



perekonomian kampung berkenaan khususnya bagi menjana pendapatan penduduk kampung.

Majlis Khatam pupuk cintai, amalkan pembacaan Al-Quran

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BELAIT, Ahad, 2 November. - Jabatan Pengajian Islam (JPI) melalui Bahagian Pelajaran Lanjutan memainkan peranan yang besar dalam mendukung pendidikan agama sepanjang hayat bagi masyarakat melalui pengendalian Kelas-kelas Dewasa Ugama di negara ini yang mula dilaksanakan sejak tahun 1958.

Antara objektif Kelas Dewasa Ugama ialah agar para pelajarnya dapat mempelajari ilmu asas bacaan Al-Quran dengan bertajwid dan tartil, di samping mempelajari ilmu asas Fardu Ain, Fardu Kifayah dan amalan-amalan sunat.

Sehubungan itu, seramai 36 pelajar Kelas Dewasa Ugama, Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Kuala Belait yang berjaya mengkhataamkan bacaan 30 juzuk Al-Quran diraikan dalam satu majlis yang diadakan di sekolah berkenaan, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu khas majlis dan diteruskan dengan bacaan



ANTARA peserta Kelas Dewasa Ugama yang diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran.

surah-surah lazim oleh para peserta khatam, diikuti dengan bacaan Takhtim dan Tahliil yang dipimpin oleh Dayang Zainah binti Haji Daud dan bacaan Doa Khatam oleh Dayang Hajah Siti Fatimah binti Haji Shaikh Hussin.

Acara kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sijil oleh tetamu khas majlis yang diiringi dengan persembahan dikir dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Dr. Zulkifli bin Haji Zakaria.

Majlis tersebut adalah bagi menzahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta menyemai semangat untuk terus mencintai dan mengamalkan pembacaan Al-Quran dalam kehidupan seharian.

Majlis juga merupakan salah satu usaha berterusan pihak JPI dalam mengukuhkan penghayatan hidup beragama dalam kalangan pelajar-pelajar dan seterusnya sama-sama mengukuhkan syiar Islam di negara ini.

Mengukuhkan pelaksanaan NPP dengan membangunkan kaedah khusus ASEAN



DELEGASI Negara Brunei Darussalam semasa menghadiri Regional Consultation Workshops on Strengthening the Non-Punishment Principle (NPP) in Trafficking in Persons (TIP) Cases of Forced Criminality.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

JAKARTA, Ahad, 2 November. - Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada wakil dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dan Unit Siasatan Perdagangan Manusia, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini menghadiri Regional Consultation Workshops on Strengthening the Non-Punishment Principle (NPP) in Trafficking in Persons (TIP) Cases of Forced Criminality di Jakarta, Republik Indonesia.

Bengkel yang diadakan selama dua hari, dari 30 hingga 31 Oktober 2025, dianjurkan dengan kerjasama oleh ASEAN Senior Officials Meeting on Transnational Crime (SOMTC) serta ASEAN-Australia Counter Trafficking (ACT) Program dan dihadiri oleh 73 wakil dari SOMTC, ASEAN Sectoral Bodies, negara-negara ahli ASEAN dan agensi-agensi yang berkepentingan.

Bengkel berkenaan adalah kesinambungan daripada pelancaran naskah 'ASEAN Guideline on the Implementation of the Non-Punishment Principle for Protection of Victims of Trafficking in Persons' pada 2 Jun 2025, yang memberi komitmen kolektif ASEAN Member States yang kukuh bagi melindungi mangsa perdagangan orang daripada dikenakan hukuman atas kesalahan yang dilakukan secara langsung atau tidak langsung akibat eksploitasi mereka.

Objektif bengkel Regional Consultation Workshops on Strengthening the Non-Punishment Principle in TIP Cases of Forced Criminality ini adalah untuk mengukuhkan pelaksanaan the NPP di dalam kes-kes perdagangan orang (*trafficking in persons*) dengan membangunkan kaedah khusus ASEAN, iaitu the ASEAN indicators of Trafficking into Forced Criminality and ASEAN-Specific Training Materials.

Kaedah-kaedah berkenaan akan dapat memupuk keserasian di serantau ini, untuk memastikan bahawa mangsa-mangsa yang dipaksa melakukan sebarang kesalahan akan dilindungi dan bukan didakwa atau dihukum.

Sepanjang bengkel berkenaan diadakan, para peserta telah berpeluang membuat perbincangan tentang indikator jenayah perdagangan orang secara paksa berserta bahan latihan peningkatan kapasiti dengan efektif mengikut piawaian garis pandu ASEAN dalam mewujudkan satu platform kerjasama dalam memastikan bahawa tidak ada mangsa perdagangan orang diperlakukan sebagai penjenayah terutamanya mengenai atas kesalahan yang dilakukan tanpa persetujuan hati mereka.

Dalam hal berkenaan, Jawatankuasa Kerja Kebangsaan Anti-Pemerdagangan Orang sentiasa komited terhadap usaha berterusan untuk mencegah dan menentang ancaman perdagangan manusia di NBD.

Jawatankuasa Kerja Kebangsaan juga akan terus mengamalkan pendekatan secara pendekatan berpusatkan mangsa atau ke atas golongan yang berisiko terhadap jenayah perdagangan orang.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kawal Tekanan, Lindungi Jantung Awda'. Tarikh Tutup : 5 November 2025
2. 'Cabaran Memupuk Hubungan Kejiranan'. Tarikh Tutup : 12 November 2025
3. 'Mewujudkan Keamanan Dunia melalui Hubungan Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 19 November 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Jangan normalisasikan buli di tempat kerja

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

Apakah itu buli di tempat kerja?

BULI di tempat kerja adalah perilaku agresif berulang yang menekan individu lain, sering melibatkan ketidakseimbangan kuasa. Ia juga merupakan tingkah laku yang tidak diinginkan seperti penghinaan, ancaman, atau pengasingan yang boleh menjejaskan kesejahteraan dan produktiviti pekerja.

Buli di tempat kerja merujuk kepada tingkah laku yang mengganggu, menakutkan, atau memalukan seseorang secara berulang dalam konteks pekerjaan. Tindakan ini merangkumi buli verbal (ejekan, hinaan), pengasingan sosial (mengecualikan mangsa daripada aktiviti penting), buli tugas (mengganggu kerja, kritikan berlebihan), serta buli fizikal dan memberi tekanan emosional (mengancam, manipulasi perasaan).

Setiap bentuk buli ini berpotensi menyebabkan tekanan psikologi, ketidakstabilan emosi, dan penurunan produktiviti, sekali gus merugikan kesejahteraan mangsa dan prestasi organisasi. Seseorang yang dibuli juga sering berasa takut, tertekan untuk datang bekerja. Selain itu mangsa buli juga hilang keyakinan diri atau motivasi. Apa yang lebih menyedihkan lagi bagi mangsa buli ialah sering diabaikan dalam perbincangan atau keputusan penting dan mangsa berasa dia tidak 'wujud' dalam lingkungan kerja. Malah mangsa buli sentiasa menjadi sasaran kritikan yang tidak adil.

Buli di tempat kerja sering memberikan kesan negatif terhadap kesejahteraan mental dan fizikal mangsa. Jika isu ini berlarutan, mangsa buli sentiasa akan menghadapi tekanan dari orang luar (pembuli) bahkan dari dalam dirinya sendiri untuk menghadapi sikap buli.

Berikut adalah beberapa tanda-tanda umum yang mungkin menunjukkan seseorang mengalami buli di tempat kerja :

- Perubahan dalam tingkah laku dan prestasi kerja

Mangsa mungkin menunjukkan perubahan ketara dalam tingkah laku, seperti menjadi lebih pendiam, mudah marah, atau cenderung menarik diri. Prestasi kerja mereka juga mungkin merosot akibat kesulitan untuk fokus dan kekurangan dorongan untuk memberikan hasil yang terbaik.

- Perasaan cemas atau takut di tempat kerja

Sentiasa berasa cemas atau takut ketika berada di tempat kerja adalah tanda yang jelas. Rasa gelisah sebelum pergi bekerja atau menghindari situasi tertentu, terutama ketika berinteraksi dengan pembuli jelas menunjukkan persekitaran kerja yang kurang sihat.

- Kekurangan keyakinan diri dan harga diri menurun

Mangsa buli hilang keyakinan diri, tidak yakin dengan keupayaan dan nilai diri mereka akibat sering menerima perlakuan buli. Ini sering mengakibatkan mereka

berasa tidak berharga dan menghadapi kesukaran untuk berinteraksi secara positif dengan rakan sekerja.

- Masalah kesihatan fizikal seperti sakit kepala dan masalah tidur

Mangsa buli sering menghadapi tekanan gejala fizikal, seperti sakit kepala, masalah tidur, atau sering letih. Gangguan tidur ini boleh memperburuk keadaan emosi, menambah beban pada kesihatan mental dan fizikal mangsa.

- Penurunan produktiviti dan motivasi kerja

Disebabkan tekanan dan kecemasan yang dialami, dikhuatiri mangsa buli akan kehilangan motivasi dan mengalami penurunan produktiviti. Mereka mungkin enggan mengambil inisiatif atau menjadi kurang bersemangat dalam menyelesaikan tugas, yang akhirnya merugikan diri sendiri serta organisasi.

Tanda-tanda buli verbal di tempat kerja

Tidak ada yang lebih parah lagi serta menyakitkan hati selain buli verbal. Buli verbal yang berlaku di tempat kerja boleh memberikan kesan negatif kepada kesejahteraan mental serta prestasi kerja mangsa. Berikut adalah tanda-tanda umum yang menunjukkan seseorang mungkin mengalami buli verbal :

1. Menghina atau mengejek secara berterusan

Pembuli sering menghina atau mengejek mangsa secara berulang-ulang, sama ada secara langsung atau di hadapan rakan sekerja lain. Tindakan ini bertujuan untuk merendahkan harga diri mangsa dan membuat mereka berasa tidak dihargai. Dengan membuli, pembuli akan berasa dirinya kuat, apatah lagi jika mendapat sokongan daripada rakan sekerja lain.

2. Sindiran atau kritikan yang tidak membina

Pembuli mungkin menggunakan sindiran atau memberikan kritikan tajam yang tidak bersifat membina. Kritikan ini biasanya tidak membantu memperbaiki prestasi kerja, malah dirancang untuk menimbulkan rasa rendah diri dan malu.

3. Menggunakan bahasa kasar atau menjerit

Penggunaan bahasa kasar atau meninggikan suara ketika berkomunikasi dengan mangsa adalah tanda buli verbal yang jelas. Menjerit atau menggunakan nada suara agresif boleh menyebabkan mangsa berasa tertekan, takut, dan cemas lebih-lebih lagi jika mangsa orang baharu di tempat kerja.

Tanda-tanda buli fizikal di tempat kerja

Selain buli verbal, buli fizikal di tempat kerja juga merupakan bentuk intimidasi yang melibatkan kontak fizikal atau tindakan yang menakutkan secara langsung. Buli fizikal memberikan ancaman serius terhadap keselamatan dan kesejahteraan mental pekerja.

- Tindakan fizikal seperti menolak, menampar atau menendang

Tindakan fizikal yang agresif seperti menolak, menampar, atau menendang rakan sekerja merupakan tanda jelas perlakuan buli. Kelakuan ini biasanya dilakukan untuk menakut-nakutkan atau memalukan mangsa di hadapan orang lain.

- Merosakkan barang-barang peribadi atau harta benda pejabat

Tindakan merosakkan barang-barang peribadi mangsa buli seperti telefon atau komputer riba, atau harta benda pejabat yang digunakan oleh mangsa juga merupakan salah satu perbuatan buli. Tindakan ini adalah bentuk intimidasi yang bertujuan mengganggu dan menekan mangsa secara psikologi.

- Penggunaan kuasa fizikal untuk menakut-nakutkan

Individu mungkin menggunakan kekuatan fizikal dengan tujuan menakut-nakutkan mangsa. Contoh tindakan termasuk berdiri terlalu dekat untuk menguasai ruang peribadi mangsa atau menahan laluan untuk menghalang pergerakan bebas.

Tindakan sebegini bertujuan meningkatkan rasa cemas, ketidakselesaan, dan tekanan psikologi, sekali gus memberi kesan kepada emosi mangsa.

Buli psikologi

Buli psikologi di tempat kerja melibatkan manipulasi emosi dan mental untuk mengganggu keseimbangan emosi dan profesional mangsa. Bentuk buli ini lebih halus tetapi mempunyai kesan yang mendalam terhadap kesejahteraan mental dan prestasi kerja seseorang. Buli psikologi ini tidak melibatkan fizikal tetapi lebih kepada emosi. Berikut adalah tanda-tanda umum buli psikologi di tempat kerja :

- Pengasingan sosial

Pengasingan sosial adalah tanda yang jelas, di mana mangsa sengaja dikecualikan daripada perbincangan atau aktiviti kerja. Rakan sekerja atau atasan mungkin tidak melibatkan mangsa dalam mesyuarat atau acara sosial, menyebabkan rasa tersisih dan terpinggir.

- Memberikan tugas yang tidak munasabah atau terlalu sukar

Memberikan tugas yang di luar kemampuan atau tanpa sokongan yang mencukupi merupakan tanda buli psikologi. Tugas dengan jangka masa yang tidak munasabah atau beban kerja yang meningkat secara mendadak boleh menyebabkan pekerja berasa gagal atau kurang berkemampuan dan mengakibatkan hilangnya keyakinan diri dalam melaksanakan kerja-kerja yang diamanahkan.

- Mengurangkan tanggungjawab atau kuasa tanpa alasan yang jelas

Buli psikologi juga dapat dilihat apabila atasan secara tiba-tiba mengurangkan tanggungjawab atau kuasa mangsa tanpa alasan yang sah, menjadikan mereka berasa tidak penting atau tidak dihargai.

Tindakan ini bertujuan untuk melemahkan keyakinan dan kredibiliti mangsa di mata rakan sekerja.

Langkah-langkah untuk mengatasi buli di tempat kerja

Menghadapi buli di tempat kerja memerlukan ketegasan dan pendekatan yang sistematik untuk melindungi diri serta memperbaiki suasana kerja. Awda boleh melaporkan kejadian buli kepada pihak HR atau pengurusan. Awda juga disarankan untuk mendokumentasikan semua kejadian buli secara terperinci. Dokumentasi yang lengkap dan terperinci sangat penting seperti catatan butiran setiap kejadian termasuk tarikh, waktu, lokasi, saksi. Bukti ini dapat membantu memperkuat kes awda apabila melaporkannya kepada pihak atasan atau dalam konteks undang-undang.

Hubungan kerja yang baik dengan rakan sekerja banyak membantu jika awda dibuli. Sokongan daripada rakan sekerja yang boleh dipercayai dapat membantu mengurangkan tekanan. Awda juga boleh mendapatkan bantuan daripada kaunselor atau profesional kesihatan mental untuk membina strategi menghadapi situasi buli dan memperbaiki kesejahteraan emosi.

Sangat penting bagi awda mengambil tindakan proaktif untuk menjaga kesihatan mental dan fizikal. Buli boleh memberi tekanan besar, jadi menjaga kesihatan adalah satu keutamaan. Melibatkan diri dalam aktiviti seperti meditasi, senaman, dan bercakap dengan kaunselor dapat membantu mengurangkan kesan negatif terhadap kesejahteraan mental dan fizikal. Apa yang penting, keberanian awda serta semangat untuk mencegah daripada menjadi mangsa buli.

Kepentingan kesedaran dan pendidikan tentang buli di tempat kerja

Mewujudkan kesedaran dan pendidikan tentang buli di tempat kerja adalah langkah penting untuk memastikan kesejahteraan pekerja dan produktiviti organisasi. Setiap pekerja perlu tahu hak-haknya dalam menghadapi buli kerana jika dibiarkan, perbuatan buli akan menjadi suatu yang dinormalisasikan dalam lingkungan kerja yang toksik.

Kesimpulan

Kesedaran dan tindakan proaktif terhadap buli di tempat kerja merupakan langkah penting ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang lebih positif dan produktif. Dengan memahami tanda-tanda, hak undang-undang, dan kaedah untuk menangani situasi ini, setiap individu dapat memainkan peranan melindungi diri serta rakan sekerja daripada kesan negatif buli. Memberikan pengiktirafan kepada pekerja yang menunjukkan tingkah laku positif dan menyokong satu sama lain juga dapat memotivasikan semua pekerja untuk mewujudkan suasana kerja yang harmoni. Majikan dan pekerja bersama-sama boleh membina budaya kerja yang positif, inklusif dan selamat, dengan menggalakkan nilai-nilai seperti rasa hormat, keterbukaan, dan sokongan antara rakan sekerja.



PHNOM PENH, 1 Nov. - Industri pakaian, beg tangan dan kasut berkualiti tinggi yang dihasilkan oleh kilang-kilang di Myanmar untuk jenama fesyen antarabangsa kini berdepan cabaran kritikal yang boleh menjejaskan daya saing dan eksportnya.

Pengunduran jenama global dan tenaga kerja mahir, ditambah pula dengan tarif perdagangan balas sebanyak 40 peratus yang dikenakan Amerika Syarikat (AS) pada Ogos lalu, memberi kesan besar terhadap sektor itu yang menjadi antara tonggak utama ekonomi negara.

"Industri pakaian mungkin sedikit terjejas akibat tarif, namun pengeluaran kasut dan beg tangan akan menjadi pihak paling terkesan. Mereka mungkin terpaksa menutup operasi atau memberhentikan pekerja," kata Pengarah SMC Garment Company Limited, U Aung Myint kepada Bernama.

Terletak di Yangon, SMC Garment memfokuskan kepada pengeluaran pakaian lelaki dan wanita serta aksesori pakaian untuk pasaran eksport.

Portal berita dalam talian "The

EKSPORT PAKAIAN BUATAN MYANMAR MEROSOT AKIBAT TARIF DAN KEKURANGAN TENAGA MAHIR

Irrawaddy", memetik seorang pegawai industri, melaporkan sekurang-kurangnya enam kilang di Yangon telah menamatkan operasi berikutan kadar tarif tinggi Amerika Syarikat yang menjejaskan eksport.

Selama lebih dua dekad, tenaga kerja muda dan mahir Myanmar bekerja dengan upah rendah menghasilkan barangan bertaraf dunia untuk jenama terkenal dari Asia, Britain, Eropah dan Amerika.

Sejak 2024, beberapa jenama fesyen antarabangsa telah menarik diri dari pasaran Myanmar, menyebabkan ribuan kehilangan pekerjaan. Ramai antara mereka berhijrah ke negara jiran untuk memperoleh pendapatan yang lebih baik.

Kini terdapat kira-kira 600 kilang pakaian yang menghasilkan pakaian, kasut dan beg tangan di Myanmar.

"Pada kemuncaknya, sektor ini menggaji kira-kira 500,000 pekerja, tetapi kini hanya sekitar 400,000.

"Ramai meninggalkan industri ini atau berpindah ke Laos dan Thailand untuk mendapat gaji lebih lumayan.

"Kekurangan tenaga kerja mahir akan menjadi cabaran terbesar kami berbanding tarif," kata Aung Myint.

Pengeluar di Myanmar

beroperasi di bawah model "cut-make-pack", di mana mereka menerima bahan mentah dari luar negara dan bertanggungjawab menyiapkan produk akhir untuk eksport seperti jaket, kemeja, blaus, beg dan kasut.

Menurut Laporan Industri Pakaian Myanmar 2023 oleh Bank Dunia, negara itu menikmati keutamaan perdagangan daripada Kesatuan Eropah yang menyumbang lebih separuh daripada jumlah eksport pakaian Myanmar dan Amerika Syarikat. Sektor ini kekal sebagai majikan utama bagi tenaga kerja muda.

Walaupun sektor ini menunjukkan ketahanan selama beberapa tahun, ia kini berdepan cabaran besar termasuk gangguan bekalan elektrik, ketidakstabilan politik dan bencana alam.

"Gangguan bekalan kuasa yang berterusan, ketidakstabilan politik berpanjangan, serta kesukaran mengakses tunai (dalam kyat dan mata wang asing) adalah antara cabaran utama," menurut tinjauan syarikat oleh Bank Dunia.

Persatuan Pengilang Pakaian Myanmar menjangkakan industri itu bernilai RM21 bilion (US\$5 bilion) tahun ini dan dijangka meningkat tiga kali ganda kepada RM63 bilion (US\$15 bilion) menjelang dekad akan datang,

dengan anggaran 1.6 juta pekerja.

Persatuan itu telah memperkenalkan pelan induk strategik 10 tahun dari 2025 hingga 2034 bagi menangani isu ketidakstabilan politik, kekurangan infrastruktur, kekangan kewangan, penghijrahan tenaga kerja serta kekurangan bahan mentah.

"Ia pasti sukar kerana kami terus kehilangan tenaga mahir. Sejak tahun lalu, kami kehilangan kira-kira 70,000 pekerja. Kami perlu melatih lebih ramai tenaga mahir

untuk industri ini.

"Kami telah beroperasi lebih 20 tahun dan yakin mampu bertahan. Kini kami bekerjasama dengan lebih banyak syarikat dari Jepun dan Korea Selatan untuk mengendalikan kilang kami.

"Kami berharap lebih banyak pembeli dari EU akan kembali bekerjasama dengan kami kerana ia dapat membantu mewujudkan lebih banyak pekerjaan untuk rakyat," kata Aung Myint. - ©BERNAMA

Empangan pecah, seorang maut di tengah Republik Sosialis Viet Nam

HANOI, 2 Nov. - Sebuah empangan yang dibina di kawasan pergunungan pecah di wilayah Tanah Tinggi Tengah Lam Dong, Republik Sosialis Viet Nam pada Sabtu malam, mengakibatkan sekeluarga tiga orang dihanyutkan arus dan mengorbankan anak perempuan mereka, lapor Xinhua yang memetik media tempatan VnExpress pada Ahad.

Ibu bapa mangsa sempat berpaut pada dahan pokok dan diselamatkan pada waktu malam oleh penduduk serta pasukan penyelamat tempatan, manakala mayat anak perempuan mereka berusia 13 tahun ditemukan awal pagi Ahad, kira-kira 600 meter dari rumahnya.

Pihak berkuasa tempatan sedang menyiasat punca kejadian tersebut.

Hujan lebat sejak beberapa hari lalu telah meningkatkan paras air sungai dan empangan di seluruh wilayah berkenaan, sekali gus mencetuskan tanah runtuh, banjir di lebuhraya dan gangguan lalu lintas di beberapa kawasan, menurut laporan itu. - ©BERNAMA

Seorang maut, 2 cedera dalam insiden tembakan di Minnesota, AS

LOS ANGELES, 2 Nov. - Seorang maut manakala dua lagi cedera dalam insiden tembakan awal pagi Sabtu di bandar Minneapolis, negeri Minnesota, Amerika Syarikat (AS), lapor Xinhua yang memetik pihak berkuasa tempatan.

Ketua Polis Minneapolis Brian O'Hara berkata anggota polis terdengar beberapa das tembakan senjata automatik sekitar 2.30 pagi waktu tempatan di kawasan komersial Dinkytown di Minneapolis.

Menurut O'Hara, seorang mangsa disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian manakala dua lagi, termasuk seorang pelajar Universiti Minnesota, dibawa ke hospital untuk rawatan lanjut.

Polis memaklumkan tiga laras senjata api ditemukan di lokasi kejadian dengan satu daripadanya milik lelaki yang maut itu.

O'Hara berkata siasatan sedang dijalankan bagi mengenal pasti individu yang membawa senjata itu dan punca kejadian tembakan berkenaan. - ©BERNAMA

Kebakaran hutan di Salak Tinggi berjaya dipadamkan selepas 13 jam

PUTRAJAYA, 1 Nov. - Kebakaran hutan di Salak Tinggi, Sepang yang berlaku semalam, berjaya dipadamkan awal pagi ini selepas hampir 13 jam operasi dijalankan.

Ketua Zon 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Penguasa Kanan II Mohamad Issmanto Md. Pono berkata kawasan kebakaran merebak kepada 8.09 hektar akibat cuaca panas dan tiupan angin.

"Kebakaran berjaya dipadamkan pada 5.37 pagi tadi dan tidak melibatkan struktur bangunan atau mangsa," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Bomba menerima panggilan kecemasan kebakaran itu pada 4.32 petang semalam, melibatkan kawasan seluas 0.49 hektar namun merebak sehingga 2.43 hektar setakat 9 malam tadi.

Kebakaran dapat dikawal pada 2.57 pagi dengan 80 peratus kawasan terbakar telah dipadamkan yang disusuli kerja pemadaman rapi bagi memastikan tiada nyalaan semula.

Operasi melibatkan 61 anggota, empat jentera Fire Rescue Tender dan sebuah lori tangki. - ©BERNAMA

Agensi Kesihatan UK beri amaran peningkatan risiko meningitis dalam kalangan remaja

LONDON, 1 Nov. - Agensi Keselamatan Kesihatan United Kingdom (UKHSA) memberi amaran pada Khamis bahawa kanak-kanak dan golongan muda, khususnya pelajar universiti berisiko tinggi dijangkiti meningitis meningokokus dan septisemia susulan peningkatan kes yang disahkan di seluruh negara, lapor Xinhua.

Data UKHSA menunjukkan sebanyak 378 kes penyakit meningokokus invasif (IMD) direkodkan bagi 2024-2025, meningkat daripada 340 kes pada tahun sebelumnya.

Kebanyakan jangkitan melibatkan kanak-kanak dan

golongan muda, dengan strain MenB bertanggungjawab terhadap 90 peratus kes dalam kalangan anak damit dan semua kes dalam kalangan remaja berumur 15 hingga 19 tahun.

Pegawai kesihatan memberi amaran bahawa pelajar yang baru memulakan pengajian di universiti amat terdedah disebabkan interaksi rapat dan kehidupan berasrama.

Kadar vaksinasi yang menurun dalam kalangan anak damit dan remaja turut meningkatkan risiko jangkitan.

"Angka terkini ini menjadi peringatan jelas bahawa meningitis masih menjadi ancaman serius

kepada kanak-kanak dan golongan muda," kata Menteri Kesihatan Awam Ashley Dalton sambil menggesa individu layak segera mendapatkan vaksin.

Beliau juga berkata bahawa imunisasi awal "memberikan perlindungan penting terhadap penyakit berbahaya ini yang boleh menyerang dalam tempoh beberapa jam sahaja".

Simptom penyakit termasuk demam panas, muntah, sakit otot, sakit kepala, leher kaku, kepekaan terhadap cahaya serta ruam.

Pihak berkuasa menegaskan bahawa vaksinasi kekal sebagai langkah paling berkesan untuk mencegah penyakit serius dan kematian. - ©BERNAMA

Keuntungan Audi meningkat pada suku ketiga selepas prestasi lemah tahun lalu

MUNICH, 1 Nov. - Keuntungan pengeluaran kereta Jerman, Audi – anak syarikat Volkswagen – meningkat lebih dua kali ganda pada suku ketiga tahun ini, sebahagian besarnya disebabkan prestasi lemah dalam tempoh yang sama tahun lepas, menurut keputusan kewangan terbaharu syarikat itu yang dikeluarkan pada Jumaat, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Keuntungan selepas cukai di peringkat kumpulan meningkat kepada 718 juta (US\$830.4 juta) antara Julai dan September, iaitu 2.6 kali lebih tinggi berbanding tempoh sama tahun sebelumnya, walaupun hanya sedikit meningkat berbanding 716 juta (US\$829.9 juta) yang dicatatkan pada suku kedua.

Pada suku ketiga 2024, keuntungan selepas cukai Audi merosot kepada 272 juta (US\$315.3

juta), sebahagiannya disebabkan kos penyusunan semula berikutan penutupan kilangnya di Brussels.

Pada 2023, Audi mencatat keuntungan sebanyak 1.2 bilion (US\$1.4 bilion) pada suku ketiga.

Berikutan keputusan terbaharu ini, syarikat itu – yang turut memiliki jenama Bentley, Lamborghini dan Ducati – telah menurunkan unjuran pulangan dengan ketara.

Pengeluar berpangkalan di Ingolstadt itu sedang berdepan persaingan sengit di pasaran Republik Rakyat China, sementara tarif Amerika Syarikat (AS) turut memberi tekanan terhadap prestasinya.

Menurut Ketua Pegawai Kewangan, Jürgen Rittersberger, tarif yang dikenakan oleh Presiden AS Donald Trump telah menyebabkan kerugian sebanyak 850 juta (US\$985.3 juta) dalam tiga suku pertama, dan angka itu

dijangka meningkat kepada 1.3 bilion (US\$1.5 bilion) menjelang akhir tahun.

Berbeza dengan pesaing Republik Persekutuan Jerman seperti BMW, Audi tidak mempunyai kilangnya sendiri di AS dan sedang mempertimbangkan untuk membina satu bagi memperkukuh kedudukan jangka panjangnya di pasaran itu.

"Kami memberi respons terhadap situasi ekonomi yang mencabar dan persaingan yang semakin meningkat dengan langkah penjimatan kos yang konsisten, serta terus berusaha memperkukuh prestasi kewangan kami," kata Rittersberger.

Pada Mac lepas, Audi mengumumkan rancangan untuk mengurangkan sehingga 7,500 pekerjaan di Republik Persekutuan Jerman menjelang 2029. - ©BERNAMA

60 PESERTA JAYAKAN RIADAH AMAL BERBASIKAL



TUTONG, Ahad, 2 November. - Bersempena 30 tahun penubuhan rasmi Masjid Kampung Bukit Udal, Tutong, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Bukit Udal telah

menganjurkan Acara Riadah Amal Berbasikal yang bermula dan berakhir di perkarangan masjid berkenaan, pagi tadi. Hadir selaku tetamu khas majlis

dan seterusnya berkesudian mengetuai Acara Riadah Amal Berbasikal sejauh 6 kilometer berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Juga hadir sama bagi menyertai acara riadah amal berbasikal berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, selaku Penghulu Mukim Ukong.

Acara terlebih dahulu dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Imam Masjid Kampung Bukit Udal, Tutong, Awang Alimin bin Ismail selaku pengerusi majlis acara berkenaan sebelum diteruskan dengan penyerahan sumbangan seangkatan hati untuk Tabung Masjid Kampung Bukit Udal, Tutong. Sebelum pelepasan riadah



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong semasa hadir selaku tetamu khas Acara Riadah Amal Berbasikal. Turut hadir dan menyertai acara tersebut, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas). Sementara gambar kiri, antara yang hadir menyertai acara tersebut.

■ **Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

berbasikal disempurnakan, seramai 60 peserta acara berkenaan terlebih dahulu melakukan senaman pemanasan badan dan doa selamat.

Masjid Kampung Bukit Udal, Tutong genap berusia 30 tahun sejak ia dibuka rasmi pada 1 November 1995 Masihi bersamaan 8 Jamadilakhir 1416 Hijrah. Penganjuran acara hari ini diharapkan dapat mengeratkan lagi perpaduan dan kerjasama yang jitu dalam kalangan ahli takmir masjid

berkenaan serta penduduk kampung ini.

Acara Riadah Amal Berbasikal ini juga merupakan sebagai salah satu langkah pengimarahkan Masjid Kampung Bukit Udal, Tutong untuk menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti riadah sambil beramal dengan menyumbangkan kewangan seangkatan-hati ke Tabung Masjid berkenaan dalam meraih ganjaran berlipat ganda dan setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

PKT FT sertai Kejohanan Milo Soccer 95 Malaysia



PASUKAN Penabai Kuala Tutong FT (PKT FT) semasa sesi bergambar ramai pada Kejohanan Milo Soccer 95 Malaysia.

■ **Berita dan Foto : Ihsan pasukan Penabai Kuala Tutong FT**

KUALA LUMPUR, Ahad, 2 November. - Pasukan Penabai Kuala Tutong FT (PKT FT) baru-baru ini mengikuti Kejohanan Milo Soccer 95 Malaysia, bertempat di Arena IRC Negeri Sembilan.

Pada kejohanan berkenaan, Pasukan PKT FT menduduki

tempat pertama dengan kutipan keseluruhan lapan mata, iaitu dua kali seri dan dua kali menang, menentang Pasukan Negeri Sembilan FC (NSFC) (1-1), dan Zero9 (1-1), manakala menang ke atas Covent FC PKT (3-0) dan Inspire Warrior PKT (5-0).

Pasukan PKT FT juga beraksi

dalam Group Cup, iaitu dalam pusingan kedua, dengan menentang Pasukan Inspire Tiger PKT dengan keputusan seri 1-1, manakala tewas kepada Pasukan Inspire Dragon PKT (1-0) dan GGG Junior PKT (1-0).

Dengan keputusan berkenaan, Pasukan PKT FT berada di tempat ketiga dalam kumpulan pasukan bagi pusingan kedua.

Hanzalah Ibn Abi Amir juara Kejohanan Futsal PDI

■ **Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

BERAKAS, Ahad, 2 November. - Pasukan Hanzalah Ibn Abi Amir (PDI 'C') muncul juara Kejohanan Futsal yang diadakan bersempena Jubli Delima Pusat Da'wah Islamiah (PDI) bagi Piala Liga selepas mengutip 15 mata.

Sementara naib juara disandang oleh Pasukan Abdurrahman Ibn 'Auf (Belait) dengan kutipan 14 mata, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Salman Al-Farisi (PDI 'A') dengan kutipan 11 mata.

Bagi Perlawanan Akhir Piala FA, Pasukan Abdurrahman Ibn 'Auf turut dinobatkan sebagai juara, sementara Pasukan Nuayman Ibn Amr (Tutong) pula berada di tempat naib juara.

Hadir menyaksikan kejohanan yang berlangsung di Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya (JKR), di sini, Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, selaku tetamu kehormat majlis.

Kejohanan futsal berkenaan merupakan salah satu acara sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan PDI yang melibatkan penyertaan pegawai serta kakitangan jabatan bersama para muallaf dari seluruh negara.

Penganjuran berkenaan menjadi platform inklusif yang memperkukuh perpaduan dan ukhuwah Islamiah melalui aktiviti sukan, di samping menjadikan sukan sebagai salah satu aktiviti rasmi sempena Sambutan Jubli Delima PDI.

Selain itu, ia juga bertujuan menggalakkan warga jabatan dan para muallaf mengamalkan gaya hidup sihat dan menanamkan nilai semangat kesukanan serta mengeratkan silaturahim antara peserta.

Penganjuran berkenaan diharap dapat mencungkil bakat baharu dalam sukan futsal untuk diketengahkan mewakili jabatan dan kementerian dalam kejohanan-kejohanan akan datang.



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah (PDI) semasa menyampaikan hadiah kepada juara perlawanan Akhir Piala FA.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.



Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.pppk.gov.bn



*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Kejohanan Badminton Antara Kementerian-kementerian bersempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32 bagi Tahun 2025 (atas kiri dan atas kanan).

**Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

TUTONG, Ahad, 2 November. - Seramai 21 pasukan mewakili daripada kementerian - kementerian menyertai Kejohanan Badminton Antara Kementerian-kementerian bersempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Kali Ke-32 bagi Tahun 2025.

Kejohanan ini merupakan salah satu inisiatif tahunan yang bertujuan memupuk semangat perpaduan, kerjasama dan gaya hidup sihat dalam kalangan penjawat awam di Negara Brunei Darussalam.

Majlis perasmian kejohanan telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap

(Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut selaku tetamu kehormat.

Acara berlangsung di Gelanggang Badminton Kompleks Sukan Daerah Tutong, hari ini, turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim serta ketua-ketua kampung Daerah Tutong.

Acara kejohanan badminton berpasukan ini mempertandingkan sebanyak lima kategori iaitu Beregu Lelaki (Bahagian I dan Terbuka), Beregu Lelaki 'A' (Kategori B2 dan Ke Atas), Beregu Lelaki 'B' (Kategori

Bahagian III dan Ke Bawah), Beregu Wanita 'A' (Kategori Bahagian III dan Ke Atas) dan Beregu Wanita 'B' (Kategori Bahagian IV dan Ke Bawah).

Kejohanan Badminton Antara Kementerian-kementerian bersempena HPA Kali Ke-32 merupakan anjuran bersama Jabatan Bandaran Tutong dan Jabatan Daerah Tutong serta dikendalikan oleh EYH United dan disokong oleh Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (BNBA).

Peringkat separuh akhir dijadualkan berlangsung pada Sabtu, 8 November 2025, manakala perlawanan akhir akan berlangsung pada Ahad, 9 November 2025.

Pasukan yang berjaya mara ke pusingan akhir akan merebut Piala Pusingan, yang merupakan sumbangan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Penganjuran acara bukan sahaja bertujuan untuk menyemarakkan suasana HPA, tetapi juga diharap dapat menjadi platform pembangunan sukan dalam sektor awam, membina hubungan yang lebih erat antara kementerian serta mewujudkan suasana kerja yang lebih harmoni dan produktif melalui aktiviti kesukanan yang sihat dan inklusif.

4 pasukan layak ke peringkat akhir LSST TAIB 2025

**Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

BERAKAS, Ahad, 2 November. - Sebanyak empat pasukan, iaitu dua daripada Liga Amatur, manakala dua lagi daripada Liga Perdana, telah mengesahkan mara ke peringkat akhir Kejohanan Liga Super

Sepak Takraw (LSST) Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) 2025.

Pasukan-pasukan yang akan bersaing di peringkat akhir nanti ialah Warisan Belait 'A' menentang Brunei Legacy 'B' bagi Liga

Amatur, sementara Muara Spurs 'B' pula akan menentang Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei (MS PPDB) 'A' bagi Liga Perdana.

Sehubungan dengan itu, pada perlawanan Peringkat Separuh Akhir Liga Amatur, Warisan Belait 'A' menang ke atas Brunei Legend dengan keputusan dua set, 15-12 dan 15-6; manakala BTTJ Warriors 'A' tewas kepada Brunei Legacy 'B' dengan keputusan tiga set, 15-11, 8-15, dan 13-15.

Sementara itu, pada perlawanan Peringkat Separuh Akhir Liga Perdana, Miharbi gagal untuk meneruskan saingan seterusnya setelah tewas kepada Muara Spurs 'B' dengan keputusan dua set, 6-15 dan 6-15; manakala MS PPDB 'A' menang ke atas Muara Spurs 'A' juga dengan keputusan dua set, 15-12 dan 15-10.

Perlawanan telah berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

LSST TAIB 2025 dianjurkan oleh Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Perbadanan TAIB selaku penaja utama liga.

ANTARA aksi-aksi para pemain pada perlawanan tersebut (kiri dan kanan).



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TANAMKAN SIFAT KEMANUSIAAN AGAR KEHIDUPAN LEBIH AMAN, SEJAHTERA